

Amalan Penyusuhan Bayi Di Kalangan Wanita-wanita Cina.

Yee Ka Wei

No. Matrik 50740

Latihan Ilmiah  
Bagi Menenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-syarat untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
Sessi 1988/89

## Penghargaan

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang ikhlas kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan kepada saya dalam menghasilkan tesis ini. Tanpa bantuan mereka, sudah pasti kajian ini tidak dapat dilaksanakan dengan licinnya.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Madya Rokiah bte. Talib di atas kesudiaan beliau menjadi penyelia saya dan segala nasihat yang diberikan olehnya. Juga tidak ketinggalan Profesor Madya Tan Chee Beng dan Dr. C.L. Ng di atas tunjuk ajar mereka.

Penghargaan juga diberi kepada Puan Sharipah (Perpustakaan Perubatan U.M.) dan Cik Laurene Yeow (UNICEF, K.L.) kerana membantu saya memperolehi bahan-bahan bacaan yang tidak ternilai itu.

Akhirnya, terima kasih kepada Cik Lee Lai Fun yang sudi menaip untuk saya dan mereka yang telah menyumbang dalam satu cara atau lain dalam menjayakan latihan ilmiah ini.

### Sinopsis

Latihan Ilmiah ini adalah satu kajian tentang amalan penyusuan bayi di kalangan wanita Cina yang bekerja di Taman Continental. Pembahagian bab-bab di dalam kajian ini adalah untuk memberi satu gambaran yang jelas dan teratur kepada pembaca.

Bab Pertama memberi pengenalan umum tentang objektif, skop, methodologi yang digunakan dan kepentingan kajian. Maklumat tentang kumpulan sasaran, bidang yang dipilih dan masalah yang dialami semasa kajian juga disebutkan di sini.

Bab Kedua mengandungi maklumat tentang latarbelakang T. Continental. Contohnya lokasi, sejarah, demografi dan kemudahan-kemudahan yang tersedia.

Bab Ketiga adalah mengenai biodata responden dan keluarga mereka seperti umur, tahap pelajaran, saiz keluarga dan lain-lain.

Bab Keempat menyentuh tentang hasil kajian mengenai amalan penyusuan bayi. Penelitian diberi terhadap sikap dan perlakuan wanita terhadap penyusuanbadan. Tahap kesedaran mereka tentang penyusuanbadan dan formula bayi, faktor-faktor yang mempengaruhi dan menentukan perlakuan wanita serta sikap mereka terhadap penyusuanbadan juga disentuh di dalam bab ini.

Bab Kelima merupakan ringkasan hasil kajian dan kepentingannya. Ia juga mengandungi cadangan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi amalan penyusuanbadan di kalangan wanita Cina yang bekerja khasnya.

	Halaman
Senarai kandungan	viii
Penghargaan	iii
Sinopsis	iv - v
Kandungan	v - viii
Senarai jadual-jadual	viii - ix
Bab 1 : Pengenalan	
1.1 : Tujuan Kajian	2
1.2 : Skop kajian	3 - 4
1.3 : Methodologi	5
1.3.1 : Proses persampelan	5
1.3.2 : Proses mengutip data	5 - 6
1.4 : Kepentingan kajian	7
1.4.1 : Ulasan ringkas kajian lain	7 - 8
1.5 : Masalah semasa kajian	9 - 10
Bab 2 : Latarbelakang Taman Continental	
2.1 : Lokasi dan sejarah kawasan perumahan ini.	11
2.2 : Saiz kawasan perumahan	11
2.3 : Struktur Demografi	11
2.3.1 : Aspek Mobiliti	12 - 14
2.3.2 : Kumpulan linguistik responden	15 - 16
2.4 : Kemudahan Awam	16
2.4.1 : Kemudahan perumahan	16
2.4.2 : Kemudahan kesihatan	16 - 17
2.4.3 : Pengangkutan	17 - 18
2.4.4 : Bekalan Air dan Elektrik	18

2.4.5 : Rumah Berhala	19
2.4.6 : Tadika dan sekolah	19 – 20
2.4.7 : Kemudahan lain	20
2.4.8 : Aktiviti	21 – 22
2.5 : Rumusan	22
Bab 3 : Biodata responden dan keluarga	
3.1 : Umur responden dan suami	23
3.2 : Umur semasa berkahwin	24 – 26
3.3 : Taraf pelajaran di kalangan responden dan suami	26 – 29
3.4 : Saiz keluarga	29 – 30
3.5 : Pekerjaan responden dan suami	31 – 34
3.6 : Hubungan anggota dalam rumah tangga dengan responden.	34 – 35
3.7 : Pendapatan rumah tangga	36 – 39
Bab 4 : Amalan penyusuan bayi	
4.1.1 : Amalan penyusuan bayi	39 – 44
4.1.2 : Sebab-sebab penyusuanbadan	44 – 45
4.1.3 : Sebab-sebab menggunakan Formula Bayi pada peringkat awal bersama-sama dengan susu badan.	45 – 47
4.1.4 : Sebab berhenti penyusuanbadan	47 – 49
4.1.5 : Faktor-faktor yang mempengaruhi wanita menyusubadan bayi.	49 – 54
4.2.1 : Corak penyusuanbadan	55 – 56
4.2.2 : Pengganti bagi susu badan	56 – 58
4.3.1 : Kesedaran terhadap bentuk badan	58 – 59

4.3.2 : Perasaan segan untuk menyusubadan	59 - 60
4.3.3 : Kesedaran tentang susu badan dan Formula bayi.	60 - 62
4.3.4 : Sikap terhadap pemerahan susubadan	62 - 63
4.4.1 : Permakanan dan kesihatan maternal	63 - 67
Bab 5 : Rumusan	
Cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah.	68 - 76
Bibliografi : Buku	77
Tesis	78
Jurnal	79
Lampiran : Soal-selidik	80 - 90
Senarai Jadual-jadual :	
2.1 Taburan populasi mengikut kaum.	12
2.2 Taburan responden mengikut kumpulan linguistik	15
3.1 Umur responden dan suami	23
3.2 Umur semasa berkahwin	24
3.3 Taraf pelajaran di kalangan responden dan suami	26
3.4 Taraf pelajaran di kalangan responden	28
3.5 Saiz keluarga	29
3.6 Pekerjaan responden dan suami	31 - 32
3.7 Hubungan anggota lain dalam rumah tangga dengan responden.	34
3.8 Hubungan antara bilangan pencari nafkah dan purata pendapatan rumah tangga.	36
3.9 Hubungan antara bilangan pencari nafkah dan umur responden.	36

3.10 Jumlah pendapatan rumah tangga dan saiz rumah tangga.	38
4.1 Amalan penyusuan bayi mengikut umur	39
4.2 Sebab-sebab menyusubotol	42
4.3 Sebab-sebab menyusubadan	44
4.4 Jangkamasa penyusuanbadan yang ideal	45 – 46
4.5 Sebab-sebab berhenti menyusuanbadan	47
4.6 Penasihat-penasihat dalam keluarga	49
4.7 Orang yang paling berpengaruh.	50
4.8 Penasihat luaran.	52
4.9 Corak penyusuanbadan	55
4.10 Sebab-sebab lewat menyusubadan	55
4.11 Pengganti-pengganti susu badan	56
4.12 Faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan formula bayi.	57
4.13 Soalan : Adakah anda berasa segan menyusubadan di khalayak ramai.	59
4.14 Kesedaran tentang susu badan	60
4.15 Turutan keutamaan formula bayi	61
4.16 Adakah anda percaya kepada iklan formula bayi.	62
4.17 Sikap terhadap pemerahan susubadan	62
4.18 Perbelanjaan ke atas permakanan ibu	64

## Bab 1

Amalan Penyusuan Bayi di kalangan wanita-wanita Cina yang bekerja.

(Satu kajian kes di Taman Continental, K. Lumpur)

Adalah tidak boleh dinafikan bahawa amalan penyusuan bayi yang paling awal dan ideal adalah penyusuan bayi dengan susu badan. Istilah yang akan digunakan seterusnya untuk menerangkan cara penyusuan ini ialah penyusuanbadan. Penyusuanbadan adalah amalan yang semulajadi dan lahir bersama-sama dengan naluri wanita. Tetapi pada zaman sekarang penyusuanbadan menerima persaingan hebat dari penyusuan botol hasil dari perkembangan industri membuat susu tepung.

### 1.1 Tujuan Kajian

Tujuan-tujuan kajian ini adalah seperti berikut :-

1. mengkaji amalan penyusuuan bayi di kalangan wanita-wanita Cina dari dua kumpulan umur yang berbeza; golongan berumur 40 tahun ke bawah dan 40 tahun ke atas. Ini adalah untuk memastikan sama ada faktor umur mempunyai apa-apa pengaruh ke atas amalan penyusuuan bayi.
2. untuk mengenalpasti faktor-faktor dari segi sosial, kebudayaan dan ekonomi yang berkait dengan sikap dan amalan penyusuuanbadan di kalangan ibu-ibu Cina.
3. menentukan sama ada terdapat hubungan antara pekerjaan dengan amalan penyusuuan bayi.
4. mengkaji aspek-aspek lain tentang amalan penyusuuan bayi seperti pengganti-pengganti susu badan yang digunakan dalam masa laktasi.
5. melihat sejauhmanakah kesedaran dan pengetahuan para responden terhadap penyusuuanbadan, formula-formula bayi dan iklan-iklan tentang formula-formula bayi ini.
6. cara pemakanan responden semasa mengandung dan semasa "confinement" akan diperhatikan.

## 1.2 Skop kajian

Kajian ini menggunakan responden-responden dari sebuah kawasan perumahan di Jalan Kelang Lama, K. Lumpur. Tujuan menghadkan kawasan kajian kepada satu kawasan perumahan sahaja adalah untuk memastikan kawalan terhadap angkubah-angkubah yang banyak dan juga untuk merendahkan kos kajian.

Hanya wanita-wanita Cina sahaja yang dipilih sebagai responden kerana kajian tentang kaum ini tidak banyak. Memandangkan penulis sendiri merupakan seorang Cina, maka penulis berpendapat bahawa faktor ini dapat membantunya dalam menjalankan kajian ini dengan lebih berkesan. Kebolehan penulis bertutur dan memahami bahasa para responden adalah penting untuk menentukan tidak adanya salah faham semasa soal-jawab antara penulis dengan respondennya. Selain dari itu, penulis dapat membina "rapport" dan mendapat kerjasama dengan lebih mudah dari kaumnya sendiri.

Responden-responden yang dipilih untuk kajian ini adalah tergolong ke dalam kriteria-kriteria ini :-

- 1) ibu-ibu Cina yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang hidup.
- 2) mestilah ibu-ibu yang sedang bekerja atau yang pernah bekerja.
- 3) berumur di antara 20 hingga 50 tahun.

Definasi "bekerja" dalam konteks ini ialah responden meninggalkan rumah untuk bekerja di luar

seperti di sekolah, pejabat, kilang dan lain-lain. Oleh sebab itu responden-responden yang merupakan suri rumahtangga dan mereka yang menjalankan kerja-kerja seperti menjahit di dalam rumah mereka sendiri tidak akan dipilih untuk kajian ini.

Dalam mengkaji amalan penyusuan bayi di kalangan ibu-ibu Cina, skop terbatas kepada jenis-jenis penyusuan awal seperti penyusuanbadan, penyusuan botol dan penyusuan campur yang diberi kepada anak bongsu responden. Walau bagaimanapun, tumpuan juga diberi kepada anak-anak lain untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang relevan tentang amalan penyusuan bayi di kalangan kumpulan kajian ini.

### **1.3 Methodologi**

Responden-responden didapati dari Taman Continental - sebuah kawasan perumahan sebanyak 131 buah rumah teres satu tingkat dan dua tingkat di Jalan Kelang Lama, lebih kurang 5 batu dari K. Lumpur.

#### **1.3.1 Proses persampelan**

Semasa menjalankan tinjauan awal, penulis mendapati hanya 33 orang yang tergolong ke dalam kategori responden yang telah disebutkan tadi. Dari jumlah ini, hanya 30 orang yang dipilih iaitu secara berlapis.

#### **1.3.2 Proses mengutip data**

Penulis menggunakan dua sumber utama dalam memperolehi data-datanya bagi kajian ini iaitu :-

- 1) data primer
- 2) data sekunder

Data primer diperolehi dari kajian lapangan iaitu di Taman Continental. Kajian ini memakan masa dua bulan iaitu Jun dan Julai 1988.

Responden-responden ditemubual berdasarkan satu set soalan dari soal selidik yang telah disediakan oleh penulis dengan bantuan penyelianya. Soalan-soalan yang digunakan berbentuk soalan-soalan terbuka dan soalan-soalan tertutup.

Masa temubual dengan responden biasanya dijalankan pada waktu malam sahaja. Ini disebabkan pekerjaan responden memerlukan mereka berada di luar rumah sepanjang hari. Responden hanya boleh ditemui

selepas mereka pulang dari kerja; biasanya selepas pukul 8:30 malam. Ini adalah kerana mereka terpaksa makan, mandi dan mengurus sedikit hal anak atau suami selepas tiba di rumah. Masa lain yang digunakan adalah masa cuti am. Tetapi penulis mendapati responden biasanya pergi bersiar-siar dengan keluarga pada masa-masa ini.

Selain dari temubual, penulis juga menggunakan cara pemerhatian dalam menjalankan kajiannya. Cara ini adalah untuk menyemak kejituuan maklumat-maklumat dari responden.

Penulis juga menemubual dengan pensyarah dan doktor-doktor berhubung dengan kajian ini.

Data sekunder diperolehi dari kajian di perpustakaan; misalan :

- 1) Perpustakaan Besar di U. Malaya.
- 2) Perpustakaan Jab. Antropologi dan Sosiologi di U. Malaya.
- 3) Perpustakaan Fakulti Perubatan di U. Malaya.
- 4) Perpustakaan Pejabat U.N.I.C.E.F. di K. Lumpur.

#### 1.4 Kepentingan Kajian

Dari kajian ini, kita akan mengetahui mentaliti di kalangan wanita Cina berkait dengan amalan penyusuan bayi. Ini adalah penting kerana kajian dalam bidang ini di kalangan kaum Cina masih tidak banyak. Setahu penulis, masih tiada kajian lagi tentang amalan penyusuan bayi yang tertumpu kepada kaum Cina sahaja walaupun kajian-kajian perbandingan antara beberapa kaum di Malaysia pernah dijalankan.

Kedua, dari kajian kita dapat mengetahui apakah implikasinya dari amalan penyusuan bayi mereka sama ada dengan menggunakan susu badan atau susu tepung.

Seterusnya, langkah-langkah dapat disyorkan supaya ibu-ibu lebih mengamalkan penyusuan bayi dengan susu badan.

##### 1.4.1 Ulasan ringkas kajian-kajian lain.

Tajuk penyusuanbadan sudah menjadi satu topik yang menerima banyak perhatian sama ada dari golongan perubatan, bidang media-massa atau golongan akademik kebelakangan ini.

Di Malaysia juga terdapat usaha-usaha dari doktor mahupun pengkaji-pengkaji masalah sosial untuk menyedarkan orang ramai tentang kebaikan amalan penyusuanbadan melalui tulisan-tulisan mereka.

Holland (1983) ada menyentuh tentang amalan-amalan penyusuan bayi ke atas kadar kematian bayi.

Dugdale (1971) pula melihat kesan penyusuanbadan ke atas peningkatan berat dan penyakit bayi di K. Lumpur. L. Manderson (1981) cuba mengadakan satu perkaitan di antara penyusuan botol dengan kejadian "gastroenteritis". Boleh dikatakan kajian-kajian ini lebih mirip kepada kajian berunsur perubatan.

Selain dari itu, dua orang bekas pelajar Fakulti Perubatan, U.M., juga menyumbang kepada bidang kajian ini. Wong (1982) membuat satu kajian perbandingan antara kaum Cina dan Melayu di Selangor. Beliau telah menginterviu 148 orang ibu dari beberapa klinik tentang amalan penyusuan bayi. Muhammad Omar b. Hj. Salleh pula mengkaji amalan penyusuan bayi dan makanan lain yang diberi semasa bayi-bayi itu sedang membesar. Kajiannya dijalankan di sebuah kawasan luar bandar di Perak. Respondennya adalah dari kaum Melayu sahaja.

Kajian terbaru tentang bidang penyusuan bayi dibuat oleh Pramasvary (1987/88) iaitu di kalangan wanita-wanita India di estet. Penulis sedikit sebanyaknya ada mengikut format kajian beliau tetapi penulis mengkaji kaum Cina sahaja.

## 1.5 Masalah semasa Kajian

Semasa menjalankan kerja lapangan, masalah utama ialah mencari masa yang sesuai bagi temubual. Walaupun ibu-ibu bekerja berada di rumah pada waktu malam, tetapi mereka adalah sibuk dengan kerja-kerja rumah. Sikap mementingkan privasi menyebabkan mereka tidak suka dikacau semasa membuat kerja rumah.

Malahan, salah satu responden pernah menukar temujanji sebanyak 3 kali. Mujurlah kemudahan seperti telefon dapat membantu, sedikit-sebanyaknya, menyelesaikan masalah membuat dan menukar temujanji.

Beberapa buah rumah responden sangat bising dengan radio, redifusi dan televisyen terpasang pada waktu interviu. Penulis tidak menghadapi masalah dengan anak-anak responden kerana mereka kebanyakannya sudah besar dan tidak menganggu semasa interviu.

Tetapi anjing-anjing di rumah responden menyalak dengan kuat menyebabkan pengalaman penulis masa interviu amat tidak selesa. Majoriti responden-responden penulis memelihara anjing. Ini mungkin kerana penduduk-penduduk kawasan perumahan ini ingin mengelakkan pencuri atau orang yang tidak dikenali dari memasuki rumah mereka.

Penulis juga mendapati ada responden yang tidak begitu bersedia untuk memberi jawapan secara panjang lebar. Ini mungkin kerana mereka tidak suka memberitahu hal-hal peribadi kepada orang lain

terutamanya mereka yang tidak begitu lama dikenali.

Faktor ini juga menyebabkan kebenaran jawapan yang diberi oleh responden tidak dapat dikawal. Lebih-lebih lagi ada responden yang tidak dapat ingat perkara-perkara yang telah lama berlaku. Ini adalah limitasi kajian penulis.

Memandangkan limitasi-limitasi ini, maka hasil dan penemuan-penemuan dari kajian ini hanya benar dalam skop kajian penulis ini. Penulis tidak dapat memberi kepastian bahawa penemuan adalah sama dalam keadaan kajian yang berbeza.

## Bab 2

### LATARBELAKANG TAMAN CONTINENTAL

#### 2.1 Lokasi dan sejarah kawasan perumahan ini.

Taman Continental ialah sebuah kawasan perumahan yang kecil. Ia merupakan salah satu kawasan perumahan yang bertaburan di Lembah Kelang, K. Lumpur ini. Ia mengandungi 131 buah rumah teres. Daripada jumlah ini 78 buah ialah rumah setingkat dan 53 lagi ialah rumah dua tingkat.

Ia terletak kira-kira 5 batu dari pusat bandaraya K. Lumpur. Jalan utama yang menghubungkannya dengan pusat bandaraya ialah Jalan Kelang Lama. Perjalanan dengan kereta hanya memakan masa kurang dari 15 minit.

Taman Continental sudahpun wujud dalam tahun 1960-an. Ianya dibina di bawah Projek Pembinaan Tan Lai Kim Sdn. Bhd. Jenis hakmilik rumah adalah tertakluk kepada geran rumah bebas. Kawasan perumahan ini terletak di dalam Mukim Petaling.

#### 2.2 Saiz kawasan perumahan

Taman Continental terletak di sebidang tanah seluas 530 ekar persegi. Sebuah rumah mempunyai keluasan sebesar 1540 kaki persegi iaitu berukuran 20 kaki x 77 kaki.

#### 2.3 Struktur Demografi

Populasi kawasan perumahan ini adalah seramai 786 orang. Majoritinya ialah penghuni dari kaum Cina.

Jadual 2.1 menunjukkan pecahan populasi mengikut kaum.

Kaum	Jumlah	Peratus
Cina	755	96.1%
India	31	3.9%
Melayu	0	-
Jumlah	786	100.0%

Jadual 1 :  
Taburan Populasi  
mengikut kaum.

### 2.3.1 Aspek Mobiliti

Bilangan populasi di atas hanya benar pada masa kajian. Kadar mobiliti yang tinggi adalah satu sifat yang nyata di kalangan penghuni di sini. Oleh sebab itu jumlah populasi selalu bertukar dari semasa ke semasa. Antara sebab-sebabnya :-

- a) Pekerjaan : penghuni-penghuni yang memperolehi pekerjaan baru mungkin berpindah ke tempat lain yang berhampiran dengan tempat kerja.
- b) Melanjutkan pelajaran : anak-anak penghuni pergi ke negeri-negeri lain di Malaysia atau luar negeri untuk belajar.
- c) Perkahwinan : anak-anak yang mendirikan rumah tangga biasanya akan berpindah ke tempat lain memandangkan rumah asal keluarga mereka tidak dapat menampung jumlah anggota keluarga yang semakin meningkat.

- d) Taraf hidup : penghuni akan berpindah ke tempat meningkat lain yang lebih sesuai. Ia sering berlaku di kalangan penyewa-penyewa rumah. Bila mereka berupaya membeli rumah sendiri, mereka akan pindah.
- e) Penyewaan : mobiliti di kalangan ini paling tinggi. Para penyewa rumah tidak tinggal tetap kerana Faktor (d) di atas atau tuan punya rumah hendak menggunakan rumah itu.
- f) Kelahiran dan : Bilangan populasi berubah-ubah bila berlaku kelahiran dan kematian.

Majoriti penghuni kawasan perumahan ini mengamalkan keluarga nuklear iaitu terdiri daripada si bapa, ibu dan anak-anak yang belum kahwin. Sebahagian kecil rumahtangga pula mengandungi tiga keturunan iaitu ibubapa yang sudah tua, suami-isteri dan anak-anak. Bila anak-anak berumahtangga, mereka akan tinggal di rumah berdekatan sama ada rumah itu disewa atau dibeli oleh mereka. Walau bagaimanapun, biasanya mereka akan berpindah ke tempat lain; khasnya anak-anak perempuan. Mereka akan mengikut suami masing-masing.

Kebanyakan wanita di sini adalah merupakan suri rumahtangga. Umur mereka berada di lingkungan 40-an. Wanita-wanita yang lebih muda biasanya mempuhyai pekerjaan sendiri.

Tetapi mereka tidak termasuk ke dalam responden penulis kerana mereka masih belum mempunyai anak lagi. Golongan ini sama ada merupakan pasangan suami-isteri yang baru berkahwin dua atau tiga tahun yang lalu atau pasangan yang tidak ingin mempunyai anak lagi. Terdapat sepasang suami-isteri yang telah berkahwin kira-kira 10 tahun tetapi masih tidak ingin beranak. Mereka menganggap anak sebagai tanggungan hidup. Bagi mereka berdua, kejayaan dalam pekerjaan adalah lebih dipentingkan.

Kebanyakan anak-anak di kalangan penghuni di sini boleh digolongkan kepada dua kumpulan iaitu pertama, anak-anak yang masih kecil iaitu kurang dari 10 tahun dan kedua, yang sudah meninggalkan bangku sekolah.

Tidak ramai ibubapa tua yang tinggal dengan penghuni-penghuni. Ada yang telah mati. Ada juga yang tinggal dengan anak-anak lain yang lebih kaya. Terdapat beberapa penghuni mengatakan bahawa ibu bapa tua mereka dijaga secara bergilir-gilir oleh anak-anak lelaki yang sudah berumahtangga. Ibu bapa tua ini akan tinggal di rumah setiap anaknya untuk suatu jangkamasa. Setelah habis tempoh itu, mereka akan dihantar ke rumah anak-anak yang lain. Menurut penghuni-penghuni ini, ini adalah untuk meringankan beban dari segi ekonomi.

### 2.3.2 Kumpulan Linguistik Responden

Kumpulan Linguistik Utama	Jumlah	
Kantonis	25	Jadual 2.2
Hakka	3	Taburan
Hokkien	1	responden
Teochiu	0	mengikut
Hainan	1	kumpulan
		linguistik.
Jumlah	30 orang	

Majoriti responden adalah tergolong kepada kumpulan linguistik Kantonis. Kumpulan linguistik ini adalah kumpulan dominan di kalangan penghuni Taman Continental juga. Faktor ini adalah selari dengan sejarah penghijrahan orang Cina dari Negeri China sendiri. Golongan Kantonis merupakan salah satu kumpulan linguistik yang terbesar di Malaysia. Menurut Nor Laily Aziz:

"Kebanyakkan penghijrah-penghijrah Cina datang dari beberapa wilayah di bahagian tenggara Negeri China iaitu Kwangtung, Fukien, Kwangsi dan Pulau Hainan."<sup>1</sup>

Menurutnya lagi, terdapat lima kumpulan linguistik Cina yang utama di Malaysia iaitu Hokkien,<sup>2</sup> Kantonis, Hakka (Khek), Teochiu dan Hainan (Hailam).

1 Nor Laily Aziz et. al. "Culture and Fertility : The Case of Malaysia ". Research Notes and Discussion Paper No. 19 (1980), Institute of South East Asia Studies, Singapore. - m/s 5

2 ibid m/s 5

Hendak ditekan disini bahawa corak taburan kumpulan linguistik di Taman Continental tidak semestinya sama di kawasan perumahan yang berlainan.<sup>3</sup> Ini adalah kerana orang-orang Cina memang suka tinggal dalam kelompok-kelompok linguistik yang sama. Sifat ini ada disebut oleh Mitchison. Katanya :

" ..... setiap dialek berkecenderungan untuk berhijrah ke tempatnya sendiri ..... "

#### 2.4 Kemudahan Awam :

##### 2.4.1 Kemudahan perumahan

Kemudahan perumahan di Taman Continental agak sama seperti kawasan-kawasan perumahan sederhana yang lain. Rumah-rumahnya teratur dalam deretan-deretan yang tersusun. Rumah teres satu tingkat dan dua tingkat adalah diperbuat daripada batu-bata. Setiap rumah satu tingkat mempunyai 3 buah bilik tidur manakala rumah dua tingkat mempunyai 4 buah kesemuanya. Tiap-tiap rumah mempunyai sekeping tanah kecil untuk penghuninya menanam pokok-pokok bunga atau buah-buahan.

##### 2.4.2 Kemudahan Kesihatan

Sebenarnya Taman Continental tidak mempunyai kemudahan ini sendiri. Tetapi penghuni-penghuni di sini tidak menghadapi apa-apa kesulitan dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Ini adalah kerana

---

<sup>3</sup> Mitchison, Lois "The Overseas Chinese", Dufour Editions, U.S.A. 1961 - m/s 13

terdapat 2 klinik swasta di Taman Gembira iaitu sebuah kawasan perumahan yang paling dekat dengan Taman Continental. Di sepanjang Jalan Kelang Lama (Bt.4) terdapat beberapa klinik perubatan dan pergigian swasta juga. Klinik kerajaan yang paling hampir terletak 2 batu dari sini iaitu di Puchong.

Ada juga penghuni-penghuni yang menggunakan perkhidmatan perubatan dari hospital-hospital seperti Hospital Universiti, Hospital Asunta, Pantai Medical Centre dan Hospital Besar, K. Lumpur. Dengan cara memandu, seorang penghuni boleh sampai ke hospital-hospital dalam masa lebih kurang 15 minit sahaja kecuali HBKL.

Ingin disebutkan di sini bahawa sistem saliran longkang adalah baik. Manakala sistem pembuangan sampah-sarap dikendali oleh Dewan Bandaraya K. Lumpur. Oleh sebab itu penghuni-penghuni terpaksa membayai cukai pintu setiap 6 bulan sekali kepada D.B.K.L. Kedua-dua faktor ini menyebabkan keadaan sekeliling kawasan perumahan di sini kelihatan bersih dan teratur. Ini sedikit sebanyaknya membantu meninggikan taraf kesihatan penghuni-penghuni.

#### 2.4.3 Pengangkutan

Kawasan perumahan ini mempunyai jalanraya bertar yang baik. Menurut penghuni-penghuni di sini, keadaan jalanraya semakin bertambah baik akibat dari pembangunan yang berlaku di sekitar Jalan Kuchai Lama.

Sistem jalanraya yang bermutu dan moden di sekitar kawasan perumahan ini merupakan faktor penting dalam mengakibatkan kadar mobiliti yang tinggi di kalangan penghuni, meningkatkan mutu kesihatan mereka dan memberi kebebasan kepada penghuni-penghuni untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sosial, ekonomi maupun politik masing-masing.

Penghuni-penghuni juga boleh berulang-alih ke pusat bandaraya dengan mudah kerana adanya perkhidmatan bas yang kerap. Perkhidmatan bas ini disediakan oleh Syarikat Bas K.L. - Kelang Sdn. Bhd. dan Syarikat Bas Toong Fong Sdn. Bhd.

#### 2.4.4 Bekalan Air dan Elektrik

Jabatan Bekalan Air Selangor bertanggungjawab dalam membekalkan air yang mencukupi ke Taman Continental dan kawasan sekitarnya. Setiap rumah mempunyai paip airnya sendiri. Bekalan air di sini bersih dan berterusan 24 jam sehari. Hanya sekali sekala bekalan airnya tergendala akibat dari kerja-kerja membaiki jalan.

Bekalan elektrik pula memuaskan. Pada waktu malam, jalan-jalan di kawasan perumahan ini diterangi oleh tiang-tiang lampu awam. Lampu-lampu awam dan bekalan elektrikeya disediakan serta diselenggarakan oleh Lembaga Elektrik Negara.

#### 2.4.5 Rumah Berhalal

Tiap-tiap keluarga Cina mempunyai tempat pemujaan mereka sendiri di dalam rumah. "San thoi" ialah tempat yang disediakan khas untuk memuja nenek-moyang mereka yang sudah meninggal dunia. Selain dari itu, penghuni-penghuni Taman Continental juga memuja dewa-dewa di pondok-pondok merah yang dikenali sebagai "La Tok Kung". Di samping itu, penghuni-penghuni Cina memuja di rumah-rumah berkala di Taman Gembira dan Jalan Kelang Lama. Ada di antara mereka yang berkereta ke tempat-tempat yang agak jauh untuk tujuan pemujaan kerana sistem pengangkutan yang baik memungkinkan mereka berbuat demikian.

#### 2.4.6 Tadika dan sekolah

Kebanyakan penghuni-penghuni di Taman Continental menghantar anak-anak mereka yang berusia 5 dan 6 tahun ke 2 buah Tadika persendirian yang berhampiran iaitu Tadika Jan Jan dan Tadika Intisari. Ada juga ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka yang berusia kurang dari 5 tahun ke tadika kerana tidak ada orang menjaga mereka atau ibu ingin membuat kerja rumah tanpa gangguan dari anak-anak.

Terdapat dua sekolah kerajaan di Jalan Kuchai Lama iaitu Sek. Ren. Kuchai Lama dan Sek. Men. Sri Sentosa. Ramai daripada anak-anak mereka belajar di sini. Anak-anak mereka yang berjaya naik ke Tingkatan 6 terpaksa dihantar ke sekolah-sekolah di Kuala

Lumpur.

Manakala ibu bapa yang ingin menyekolah anak-anak mereka di sekolah Cina biasanya menghantar anak-anak ke S.R.J. Keb. (C) Chong Nam atau ke Sek. Kuen Cheng bagi yang mampu dari segi kewangan.

Penulis mendapati penghuni-penghuni di sini sangat mementingkan pelajaran anak-anak mereka. Ibu bapa sanggup mengeluarkan wang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang baik. Ada beberapa orang anak penghuni sedang menuntut di luar negeri pada masa penulisan tesis ini.

#### 2.4.7 Lain-lain kemudahan

Penghuni-penghuni di Taman Continental boleh membeli-belah dengan mudah di kedai-kedai runcit yang bertaburan di sekitar kawasan perumahan yang berdekatan, di pasar-pasar dan kompleks membeli-belah seperti Yaohan di Jalan Kelang Lama. Selain dari itu, penghuni-penghuni dapat berkunjung ke pasar malam pada setiap malam Ahad.

Majoriti penghuni mempunyai perkhidmatan telefon dan memiliki kenderaan peribadi seperti kereta atau motosikal. Kemudahan-kemudahan seperti ini sedikit-sebanyaknya meninggikan taraf hidup mereka. Terdapat dua pusat video di mana penghuni-penghuni boleh meminjam kaset-kaset video dengan senang. Sebahagian besar masa lapang mereka digunakan untuk menonton video.

#### 2.4.8 Aktiviti

Pada waktu petang, kelihatanlah anak-anak penghuni keluar bermain badminton di halaman rumah masing-masing. Memandangkan Taman Continental adalah sebuah kawasan perumahan yang kecil, maka taman permainan kanak-kanak tidak disediakan. Walaupun demikian, penghuni-penghuni di sini boleh menggunakan taman permainan kanak-kanak di Taman Gembira.

Kadang-kadang pada masa perayaan seperti Tahun Baru Cina dan Perayaan "Tanglung", Jawatankuasa penghuni-penghuni Taman Continental dan Taman Gembira akan mengadakan pertandingan melukis atau pertandingan pakaian aneka ragam untuk kanak-kanak.

Tujuannya adalah untuk menjalin hubungan baik antara penghuni-penghuni di sini. Pada awal tahun 1980-an, Jawatankuasa sekitar Rukun Tetangga bagi kedua-dua kawasan perumahan ini berjaya melancarkan gerakan meronda di sekitar kawasan ini. Penghuni-penghuni lelaki berumur 21 tahun ke atas diwajibkan untuk membuat rondaan mengikut giliran. Tetapi kegiatan seperti ini sudah terhenti sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerana penghuni-penghuni tidak memberi kerjasama kepada sektor Rukun Tetangga. Malahan unit ini sudah tidak berfungsi lagi.

Ada juga kemudahan seperti pusat "snooker" di Taman Gembira dan Jalan Kelang Lama serta tempat hiburan seperti "pub" untuk kunjungan penghuni-penghuni kaum lelaki.

Aktiviti gotong-royong tidak diamalkan di kalangan penghuni. Kegiatan seperti ini dianggap janggal di kalangan penduduk bandar.

## 2.5 Rumusan

Tujuan utama bab ini adalah untuk menonjolkan latarbelakang dan ciri-ciri kawasan perumahan ini. Penulis juga menceritakan keadaan hidup dan kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh penghuni-penghuni.

Didapati majoriti penghuni adalah dari kaum Cina yang berasal dari kumpulan linguistik Kantonis. Kebanyakan wanita di sini merupakan suri rumahtangga. Memandangkan kemudahan-kemudahan di sini, bolehlah dirumuskan bahawa taraf hidup penghuni adalah agak tinggi dan sempurna. Faktor penting yang menyumbang kepada taraf hidup ini ialah sistem pengangkutan, bekalan air dan elektrik yang memuaskan.

### Bab 3

#### Biodata Responden dan keluarga

Bab ini adalah mengenai butir-butir tentang para responden dan keluarga mereka.

##### 3.1 Umur responden dan suami

Jadual di bawah menunjukkan umur responden dan suami semasa kajian ini di buat:

Jadual 3.1 Umur responden dan suami

Umur	Suami		Responden	
	Bil.	%	Bil.	%
<20	-	-	-	-
20-24	-	-	1	3.3
25-29	-	-	2	6.7
30-34	6	20	5	16.6
35-39	8	26.7	8	26.7
40-44	7	23.3	12	40.0
45-49	7	23.3	2	6.7
50-54	2	6.7	-	-
>55	-	-	-	-
	30	100%	30	100%

Angka-angka dalam Jadual 3.1 di atas menunjukkan satu anggaran kasar terhadap umur responden tetapi ia adalah memadai untuk menggambarkan corak umur di kalangan responden dan suami.

Secara relatifnya, kebanyakan wanita berada di dalam lingkungan umur akhir 30-an dan awal 40-an iaitu seramai 66.7% dari jumlah responden. Purata umur responden ialah 37.7 tahun. 53.3% responden berumur di antara 20-39 tahun dan 46.7% responden berumur di

antara 40-50 tahun.

Ini menunjukkan terdapat lebih ramai wanita yang berumur kurang dari 40 tahun berbanding dengan wanita berumur 40 tahun dan ke atas iaitu seramai 16 dan 14 orang masing-masing.

Kebanyakan suami responden berada dalam lingkungan umur akhir 30-an dan ke atas. Purata umur bagi suami responden ialah 40.5 tahun. Secara keseluruhannya, kaum lelaki adalah lebih tua dari responden dari segi umur.

### 3.2 Umur semasa berkahwin

Jadual 3.2

Umur	Suami		Responden (< 40 tahun)		(> 40 tahun)	
	Bil	%	Bil.	%	Bil.	%
<15	0		0		0	
15-20	0		1	6.25	4	28.57
21-25	12	40.0	9	56.25	1	7.14
26-30	10	33.33	6	37.5	9	64.29
31-35	6	20.0				
36-40	2	6.67				
>40	0					
Jumlah	30	100%	16	100%	14	100%

Seramai 40% kaum lelaki berkahwin semasa berumur di antara 21-25 tahun. Walau bagaimanapun, lebih ramai lagi berkahwin semasa berumur antara 26-35 tahun iaitu 53.33%. Ini adalah kerana faktor kewangan. Seseorang lelaki hanya mampu mendirikan rumah tangga setelah beberapa tahun bekerja. Purata umur kaum lelaki berkahwin ialah 27.7%.

Kaum wanita pula didapati berkahwin lebih awal dari kaum lelaki iaitu semasa berumur di antara 16-20 tahun. Corak ini lebih ketara di kalangan responden berumur 40 ke atas iaitu 28.57% berbanding dengan 6.25% di kalangan responden 40 ke bawah. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan kaum wanita zaman sekarang tidak mahu berkahwin sebelum mencapai 20 tahun berbanding dengan kaum wanita dahulu. Perkahwinan semasa belasan tahun lebih diperaktikkan pada zaman dahulu.

Ini mungkin disebabkan oleh faktor taraf pelajaran yang tinggi dan peluang pekerjaan yang lebih banyak bagi kaum wanita sekarang.

Majoriti responden berumur 40 ke bawah berkahwin semasa berumur di antara 21-25 manakala majoriti responden berumur 40 ke atas berkahwin semasa berumur di antara 26-30 iaitu 56.25% dan 64.29% masing-masing.

Golongan responden berumur 40 ke atas berkahwin agak lambat kerana faktor pelajaran dan khasnya pekerjaan. Daripada temubual peribadi, penulis mengetahui bahawa kebanyakan daripada mereka bekerja sebelum berkahwin untuk menampung keperluan keluarga asal mereka. Oleh sebab itu perkahwinan dipandang sebagai kedua penting.

Satu lagi sifat yang menonjol jika perbandingan dilakukan di antara kaum lelaki dan kaum

wanita. Seramai 20% kaum lelaki berkahwin semasa berumur di antara 31-35 tahun dan segelintir (6.67%) pula berkahwin selepas berumur 36 tahun. Padahal, semua responden telah mendirikan rumahtangga sesampai-nya umur 30 tahun.

Ini adalah kerana masyarakat Cina lebih menggalakkan anak-anak perempuan mereka berkahwin lebih awal kerana takut kalau-kalau mereka menjadi anak dara tua nanti. Walaupun sekarang fenomena anak-dara tua tidak dipandang seserong seperti zaman dahulu, ibu bapa masih ingin mengelakkan anak dan keluarga dari menjadi bahan buah mulut dalam masyarakat.

### 3.3 Taraf pelajaran di kalangan responden dan suami

Jadual 3.3

Taraf pelajaran	Suami	Responden		
	Bil.	%	Bil.	%
Darjah 1-4	0	-	0	-
Darjah 5	1	3.33	0	-
Darjah 6	4	13.33	1	3.33
L.C.E.	2	6.67	12	40.0
M.C.E.	21	70.0	15	50.0
Ting. 6	1	3.33	1	3.33
Universiti	1	3.33	1	3.33
Tiada pelajaran	0	-	0	-
	30	*100%	30	*100%

(\* angka ini adalah satu penghampiran dari 99.99%)

Dari Jadual 3.3, kita akan mendapati bahawa tidak ada responden atau suami yang tidak berpelajaran. Ini membayangkan sikap orang Cina yang

amat mementingkan bidang pelajaran biarpun sekadar sahaja.

Kawasan tempat tinggal juga memainkan peranan penting dalam taraf pelajaran yang diperolehi. Jadual 3.3 menunjukkan bahawa terdapat 16.66% kaum lelaki dan 3.33% wanita yang belajar sampai tahap sekolah rendah sahaja. Dari temubual penulis dengan responden dan keluarga, didapati bahawa golongan yang menerima pelajaran sekadar sekolah rendah sahaja ini berasal dari kawasan luar bandar. Terdapat seorang wanita dan seorang lelaki yang tidak dipelihara oleh ibu bapa masing-masing. Wanita itu dipelihara oleh neneknya kerana ibu bapanya mati semasa dia masih kanak-kanak lagi. Lelaki itu pula dijadikan anak angkat. Pelajarannya tergantung pula oleh zaman Jepun dan zaman Darurat.

Responden dan suami yang lain tinggal di bandar atau kawasan-kawasan berhampiran dengannya. Faktor ini membantu mereka memperolehi persekolahan formal yang lebih bermutu dan tinggi.

Sebanyak 6.67% kaum lelaki yang sampai ke peringkat L.C.E. manakala 40% wanita yang berjaya menamatkan L.C.E. mereka. Ini menunjukkan bahawa kaum wanita lebih tinggi pelajarannya dari lelaki.

Tetapi lebih kaum lelaki yang mencapai peringkat M.C.E. daripada kaum wanita iaitu 70% dan 50% masing-masing.

Pada peringkat pelajaran tertiar, kaum lelaki dan wanita menerima peluang yang sama iaitu 6.66% masing-masing.

Jadual 3.4

Taraf pelajaran	Responden			
	( <40 tahun)		( ≥40 tahun)	
	Bil.	%	Bil.	%
Sek. Ren.	0	-	2	14.28
L.C.E.	6	37.50	6	42.86
M.C.E.	8	50.0	6	42.86
Pra-Universiti	1	6.25	0	-
Universiti	1	6.25	0	-
	16	100%	14	100%

Jika dua kategori umur responden itu dibandingkan, maka didapati satu corak yang nyata. Golongan responden berumur 40 ke atas menerima pelajaran yang kurang berbanding dengan golongan responden berumur 40 ke bawah.

Seramai 14.28% responden berumur 40 ke atas yang hanya menerima persekolahan rendah sahaja manakala kesemua responden muda menerima pelajaran lebih tinggi dari tahap ini.

Kesemua responden golongan tua menghabiskan pelajaran pada peringkat M.C.E. manakala masih terdapat 12.5% responden golongan muda yang belajar di peringkat tertiar.

Boleh dirumuskan di sini bahawa :-

- 1/ - tidak ada diskriminasi dalam memberi pelajaran kepada anak-anak berdasarkan jantina. Kedua-dua

jantina menerima peluang pelajaran yang sama **rata**. Perbezaan hanya berlaku bila anak-anak **itu tidak** berkeupayaan meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi atau kawasan tempat tinggal (yang berkait langsung dengan kemudahan persekolahan yang tersedia).

2/- Kaum responden berumur 40 ke atas menerima pelajaran yang lebih rendah daripada kaum responden 40 ke bawah. Ini menunjukkan bahawa kaum wanita pada zaman sekarang mempunyai peluang mobiliti dalam bidang pelajaran yang lebih tinggi berbanding dengan kaum wanita pada zaman lebih awal.

### 3.4 Saiz keluarga

Jadual 3.5

Bil. anak	Responden		
	Bil	%	Purata Umur
1	3	10	30.33
2	15	50	37.71
3	8	26.7	39.0
4	3	10	41.0
5	1	3.3	40.0
	30	100%	

Di kalangan orang Cina, sikap suka mempunyai keluarga yang kecil adalah nyata. Corak keluarga bersaiz 4 orang iaitu bapa, ibu dan dua orang anak adalah yang paling popular iaitu 50%. Corak keluarga bersaiz 5 orang menduduki tempat kedua (26.7%). Corak keluarga dengan seorang anak (10%) tidak begitu digemari kerana ibu bapa menganggap anaknya akan berasa sunyi.

Bilangan anak dalam sebuah keluarga mempunyai kaitan dengan purata umur responden. Semakin meningkat umur responden, semakin bertambah bilangan anak dalam keluarga. Responden muda lebih gemar keluarga kecil berbanding dengan responden tua yang mempunyai keluarga yang besar. Ini memperlihatkan satu perubahan sikap di kalangan wanita moden sekarang.

Juga patut dinyatakan di sini, responden-responden yang mempunyai seorang anak sahaja pada masa kajian kebanyakannya terdiri dari mereka yang berkahwin kurang dari 5 tahun. Oleh sebab itu, terdapat kemungkinan besar saiz keluarga akan bertambah pada masa hadapan.

Walaupun begitu, responden yang mempunyai dua atau tiga orang anak melahirkan perasaan mereka kepada penulis bahawa mereka tidak bercadang menambah bilangan anak pada masa depan.

Bagi mereka, 2 atau 3 orang anak sudah mencukupi memandangkan faktor kos pembiayaian yang tinggi bagi setiap anak pada masa ini. Lagi pun, mereka ingin memastikan setiap anak mereka mempunyai masa depan yang cerah.

3.5 Pekerjaan responden dan suami

Jadual 3.6a

	Jenis Pekerjaan	Bil.	%
	Suami		
makan gaji (swasta)	Pemandu	2	6.7
	Agen Insuran	1	3.3
	Jurukira	3	10.0
	Jurujual	1	3.3
	Penolong Penyelidik	1	3.3
kerja kontrak	Pegawai Bank	4	13.3
	Penjual suratkhabar	1	3.3
	Tukang kayu	3	10.0
kerja sendiri	Akitek	1	3.3
	Peniaga	10	33.3
kerja kerajaan	Guru Yoga	1	3.3
	-	0	-
menganggur		2	6.7
		30	*100%

\* angka ini adalah satu penghampiran sahaja.



Apabila kita memperhatikan jenis-jenis pekerjaan responden dan suami mereka didapati bahawa ciri-ciri pekerjaan mereka adalah kepelbagaian.

Untuk mengecilkan lagi lapangan pekerjaan yang berbagai ini, maka penulis mengkategorikan jenis pekerjaan kepada 1) makan gaji/swasta 2) kerja kontrak 3) kerja sendiri 4) kerja kerajaan 5) menganggur .

Didapati 39.9% kaum lelaki dan 83.3% kaum wanita bekerja makan gaji dengan syarikat-syarikat swasta. 36.6% kaum lelaki bekerja sendiri manakala 0% di pihak wanita. Ini menunjukkan sikap kaum lelaki yang lebih suka pekerjaan mencabar, berdikari dan tidak mahu dikawal oleh orang lain. Manakala kaum wanita pula lebih suka pekerjaan yang memberi jaminan dan tetap seperti bekerja dengan kerajaan (13.4%). Tiada kaum lelaki yang bekerja dengan kerajaan.

Kerja-kerja kontrak juga lebih diceburi oleh kaum lelaki dari kaum wanita iaitu 16.6% dan 3.3% masing-masing.

Di pihak kaum lelaki, seramai 6.7% yang menganggur manakala tiada penganggur di kalangan wanita.

Didapati taraf pelajaran mempunyai kaitan rapat dengan jenis pekerjaan responden dan suami mereka. Responden dan suami mereka yang berpelajaran rendah menjawat pekerjaan yang lebih memerlukan tenaga

kasar mereka seperti pengemas bilik hotel, pemandu bas/van, penjual surat khabar dan tukang kayu.

Sebaliknya mereka yang berpelajaran sekurang-kurangnya Tingkatan 5 akan menjawat jawatan yang lebih baik seperti pegawai bank, guru, penolong penyelidik, setiausaha dan lain-lain.

Tetapi taraf pelajaran tidak semestinya menunjukkan pendapatan mereka. Suami-suami responden yang manjadi peniaga dan bersekolah sampai Tingkatan 3 sahaja boleh memperolehi pendapatan yang sama atau melebihi mereka yang mempunyai jawatan tinggi serta bersekolah hingga Tingkat 5/tertiari.

Walaupun semua responden mengatakan mereka tidak mempunyai apa-apa kerja sampingan, tetapi penulis mendapati ada segelintir menjual barang "Amway", menjual bunga-bunga orkid yang ditanam sendiri dan sebagainya. Maklumat ini diperolehi dari anak-anak atau jiran.

### 3.6 Hubungan anggota-anggota lain dalam rumah tangga dengan responden.

Jadual 3.7

Hubungan	Bil.	%
Anak & suami	21	70.0
Emak mertua	2	6.7
Ibu	1	3.3
Adik-beradik	1	3.3
Orang gaji	1	3.3
Lain-lain	4	13.3
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Dari jadual didapati keluarga nuklear (70%) adalah struktur kekeluargaan yang paling popular di kalangan penduduk kawasan ini. Amalan tradisi di mana anak lelaki yang mendirikan rumah tangga mesti tinggal bersama dengan keluarga pihak lelaki sudah semakin tidak diperaktikkan lagi. Hanya 6.7% rumah tangga yang mempunyai emak mertua tinggal bersama dengan mereka, 3.3% mempunyai ibu responden tinggal bersama dengan mereka. Kedua-dua emak mertua dan ibu responden hanya tinggal sementara sahaja iaitu pada masa responden dan keluarga memerlukan perkhidmatan mereka sebagai penjaga rumah dan anak-anak.

Terdapat satu kes di mana dua orang adik yang belum berumah tangga tinggal bersama-sama dengan responden dalam sebuah rumah. Menurut mereka, langkah ini adalah untuk merendahkan kos hidup mereka.

Keluarga-keluarga responden yang lain (16.7%) mempunyai kawad, orang gaji atau penyewa bilik tinggal bersama-sama dengan mereka.

### 3.7 Pendapatan rumahtangga

Hubungan antara bilangan pencari nafkah dan purata pendapatan rumahtangga ditunjukkan dalam jadual berikut :

Jadual 3.8

Bil. pencari nafkah	Purata Pendapatan
1	\$ 850
2	\$ 1618
3	\$ 1400
4	\$ 1400
5	-

Dua kes rumahtangga responden yang mempunyai seorang pencari nafkah adalah disebabkan oleh suami-suami responden yang menganggur semasa kajian ini dibuat. Keadaan ini akan berubah di masa depan.

Hubungan antara bilangan pencari nafkah dan umur responden ditunjukkan dalam Jadual 3.9.

Jadual 3.9

Bil. pencari nafkah	Umur	Responden
	< 40	> 40
1	6.25	7.14
2	93.75	78.57
3	-	7.14
4	-	7.14
Jumlah	100%	100%

Rumahtangga responden berumur 40 tahun ke atas yang mempunyai lebih dari dua orang pencari nafkah tidak semestinya memperolehi jumlah pendapatan

rumah tangga yang lebih banyak daripada rumah tangga responden berumur 40 ke bawah.

Jadual 3.8 menunjukkan bahawa purata pendapatan rumah tangga responden yang mempunyai 2 pencari nafkah ialah \$1618 dan rumah tangga responden yang mempunyai 3/4 orang pencari nafkah ialah \$1400 sahaja.

Disebabkan majoriti rumah tangga responden berumur 40 ke bawah (93.75%) mempunyai purata pendapatan rumah tangga sebanyak \$1618 berbanding dengan hanya 78.57% di kalangan rumah tangga responden berumur 40 ke atas, maka boleh dirumuskan bahawa rumah tangga responden muda menikmati taraf kehidupan yang lebih tinggi daripada rumah tangga responden tua.

Rumah tangga yang mempunyai lebih ramai anggota keluarga yang bekerja tidak semestinya menikmati status sosio-ekonomi yang lebih tinggi. Ini adalah kerana taraf pelajaran dan jenis pekerjaan mereka menentukan jumlah pendapatan yang akan diperolehi. Walaupun hanya 2 orang bekerja, sesbuah rumah tangga itu berjaya mengatasi jumlah pendapatan rumah tangga yang mempunyai 4 orang pencari nafkah kerana rumah tangga yang terdahulu itu mempunyai pekerjaan yang lebih baik daripada rumah tangga terkemudian.

Jadual 3.10 - Jumlah pendapatan rumahtangga dan saiz rumahtangga.

Saiz rumah-tangga	\$800 - \$899	\$900 - \$999	\$1000 - \$1099	\$1100 - \$1199	\$1200 - \$1299	\$1300 - \$1399	\$1400 - \$1499	\$1500 - \$1599	\$1600 - \$1699	\$1700 - \$1799	\$1800 - \$1899	\$1900 - \$1999	> \$2000	Jumlah rumah-tangga
1														-
2														-
3									1	2				3
4	3	3				3		2		3		1		15
5		2				1	3			1	1			8
6							1			2				3
7							1							1
Jumlah	3	5				4	5	3	8	1	1			30

Secara keseluruhannya, pendapatan rumahtangga responden berubah dari \$800 - hingga \$2000. Majoriti rumahtangga (66.67%) memperolehi pendapatan antara \$1300 hingga \$1900 dengan purata pendapatan rumahtangga sebanyak \$1570.

Sungguhpun purata pendapatan rumahtangga ini tinggi, tetapi ia tidak menunjukkan bahawa semua keluarga responden adalah hidup dalam taraf kehidupan yang tinggi. Ini disebabkan pendapatan yang diperolehi oleh tiap-tiap rumahtangga adalah tidak seimbang dengan bilangan anggota keluarga tersebut. Rumahtangga yang mempunyai 3 orang mungkin memperolehi \$1600 sebulan manakala rumahtangga bersaiz 7 orang memperolehi \$1400 sahaja.

Walau bagaimanapun, boleh dirumuskan bahawa majoriti keluarga Cina di kawasan ini menikmati taraf kehidupan yang baik.

## Bab 4

### Amalan Penyusuan Bayi

Dalam bab ini tumpuan akan diberi kepada amalan-amalan yang dipraktikkan dalam penyusuan bayi, sikap-sikap ibu Cina yang bekerja terhadap penyusuan badan dan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap ini.

#### 4.1.1 Amalan penyusuan bayi

Hasil kajian tentang amalan-amalan penyusuan bayi dalam bab ini adalah merujuk kepada anak bongsu responden.

Jadual 4.1 – Amalan penyusuan bayi mengikut umur.

Umur (bulan)	Jenis Penyusuan					
	susu badan		campur		kaedah botol	
	< 40 %	> 40 %	< 40 %	> 40 %	< 40 %	> 40 %
1	25	57.14	43.75	7.14	31.25	35.71
2			6.25	21.43	93.75	78.57
3					100	100

Amalan penyusuanbadan kelihatan lebih ketara di kalangan responden berumur 40 ke atas iaitu 57.14% daripada kumpulan lain (25%). Sebaliknya lebih ramai dari wanita muda yang menyusubadan dan menyusubotol serentak (penyusuan campur) daripada wanita tua iaitu 43.75% dan 7.14% masing-masing. Penyusuan kaedah botol merupakan amalan kedua paling popular bagi kedua-dua kategori umur wanita dengan 31.25% dan 35.71% masing-masing.

Pada bulan kedua, amalan menyusubotol telah meningkat secara mendadak iaitu dari 31.25% kepada 93.75% di kalangan wanita muda dan 35.71% kepada 78.57% pada kumpulan lain. Peningkatan 3 kali ganda dan lebih 2 kali ganda berlaku di kalangan wanita muda dan tua masing-masing. Ini menunjukkan kebanyakan wanita dari kedua-dua kumpulan umur menyusubotol bayi mereka mulai bulan kedua.

Jenis penyusuan campur menunjukkan satu corak yang berbeza di mana peratus wanita muda telah berkurangan dari 43.75% kepada 6.25% manakala peratusan menaik dari 7.14% kepada 21.43% di kalangan wanita tua selepas bulan pertama.

Dua sebab yang biasa diberi oleh 43.75% wanita muda yang mengamalkan penyusuan campur ialah pertama, takut kalau-kalau susu badan tidak dapat mengenyangkan bayi dan kedua, bimbang bayi tidak dapat menyesuaikan diri dengan pertukaran serta-merta dari penyusuanbadan kepada penyusuan kaedah botol apabila mereka mula bekerja.

Jadual memperlihatkan 2 corak yang nyata :

- 1) peratusan wanita yang menyusubotol dari kedua-dua kumpulan umur meningkat dengan cepat pada bulan-bulan berikutnya.
- 2) kedua-dua kumpulan umur wanita menyusubotol sepenuhnya pada bulan ketiga.

Pada bulan ke-2, % wanita muda yang

menyusubadan secara separa turun dengan mendadak. Kebanyakannya mereka sudah mula bekerja melainkan seorang dan beliau telah mengambil kesempatan ini untuk terus menyusubadan secara separa. Yang lain terus menyusubotol bayi pada bulan ke-2.

Di kalangan wanita tua pula, hanya seorang yang mengamalkan penyusuhan campur selepas bersalin kerana susu badannya tidak mencukupi. Manakala, pada bulan ke-2, % wanita tua yang mengamalkan penyusuhan campur telah bertambah. Ini adalah kerana sebahagian wanita-wanita yang menyusubadan sepenuhnya pada bulan pertama masih menyusubadan pada bulan ke-2 walaupun secara separa sahaja.

Perbezaan amalan penyusuhan bayi di antara kedua-dua kategori umur wanita Cina ini menunjukkan bahawa wanita tua adalah lebih matang daripada wanita muda dalam hal-hal tentang penyusuhanbadan. Wanita tua membelajari dari pengalaman dahulu semasa menyusubadan anak-anak mereka yang lebih awal. Oleh itu mereka lebih yakin untuk menyusubadan bayi mereka walaupun sudah mula bekerja. Ini mengakibatkan golongan tua lebih konsisten dalam amalan penyusuhanbadan daripada golongan muda.

Secara keseluruhannya, didapati golongan wanita muda menunjukkan keinginan dan kesanggupan yang positif terhadap penyusuhanbadan sepenuh mahupun separa pada bulan pertama iaitu 68,75%. Jika mereka diberi penerangan yang betul dan lebih dorongan, sudah tentu

wanita yang menyusubadan separa akan lebih yakin menyusubadan sepenuhnya pada bulan pertama.

Penulis mendapati wanita-wanita yang menyusubadan bayi mereka mempunyai sikap yang positif terhadap amalan penyusuhanbadan. Mereka menidakkan kenyataan bahawa ada orang yang memaksa mereka berbuat demikian. Bagi mereka yang menyusubotol, didapati mereka tidak dapat berbuat demikian kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.

Jadual 4.2 - Sebab-sebab menyusubotol.

Sebab	Umur	Responden
	< 40	> 40
Halangan pekerjaan	1	2
Membebankan	0	1
Tiada susu	1	0
Kesihatan	1	1
Tidak pasti cara	1	0
Keengganan bayi	0	1
Anak kembar	1	0
Jumlah orang	5	5

Dari jadual, separuh daripada wanita ini terpaksa menyusubotol bayi mereka kerana sebab-sebab yang terletak di luar kawalan mereka seperti tidak mempunyai susu, kesihatan ibu yang lemah akibat pembedahan semasa bersalin, keengganan bayi menghisap puting buah dada ibunya dan kelahiran sepasang anak kembar menyebabkan responden berasa khuatir susu badannya tidak mencukupi untuk anak-anaknya.

Sementara itu 4 orang lagi memberi sebab halangan pekerjaan dan membebangkan sebagai faktor

mereka menyusubotol. Sikap negatif mereka ini disebabkan oleh kekurangan perangsang untuk menyusuh badan dan anggapan bahawa penyusuan badan selama 1 bulan sahaja adalah sama seperti tidak pernah disusuhbadankan. Disebabkan mereka akan mula bekerja pada bulan ke-2, maka mereka terus menyusubotol bayi mereka mulai bulan pertama lagi.

Di sini, kita juga mendapati bahawa sistem kapitalis memberi kesan yang negatif kepada sikap wanita-wanita ini. Mereka bergantung kepada pekerjaan untuk hidup. Oleh itu mereka sanggup mengenepikan keinginan mereka untuk menyusuhbadan bayi mereka dari untuk terus mengekalkan mata pencarian mereka.

Seorang lagi memberi jawapan bahawa beliau tidak tahu cara-cara menyusuhbadan. Beliau berkahwin semasa belasan tahun. Oleh kerana terlalu mentah dan tiada orang yang berpengalaman menasihatinya, maka beliau pun tidak menyusuhbadan bayinya.

Boleh dirumuskan bahawa semasa memilih jenis amalan penyusuan bayi, wanita-wanita Cina ini tidak dipengaruhi oleh media-massa sekarang. Malahan ramai daripada mereka tidak percaya kepada iklan formula bayi.

Apabila ditanya sama ada responden-responden muda akan menyusuhbadan bayi mereka kelak (sekurang-kurangnya semasa "confinement") jawapan yang diberi ialah "Ya" kecuali seorang. Perkara ini akan dihuraikan kemudian dalam bab ini. Sungguhpun begitu, jawapan mereka menguatkan lagi andaian kita bahawa kebanyakkan wanita Cina ini mempunyai sikap yang

positif terhadap penyusuanbadan.

#### 4.1.2 Sebab-sebab menyusubadan bayi

Sekarang kita akan meninjau sebab-sebab wanita Cina ini menyusubadan bayi mereka. Jawapan-jawapan mereka telah diatur mengikut frekuensi terbanyak kepada frekuensi terkurang iaitu 1 hingga 6.

Jadual 4.3

Sebab	Umur Responden	
	< 40	> 40
susu badan baik untuk bayi	1	1
ada masa lapang	2	4
menjaga kesihatan ibu	6	6
bayi tidak akan hidap penyakit secara mudah	3	2
jalin hubungan mesra dengan bayi "convenient"	4	5
	5	3

Hasil tinjauan di atas menunjukkan bahawa wanita-wanita Cina dari kedua-dua kumpulan umur bersetuju susu badan adalah berkhasiat dan baik kepada pertumbuhan anak-anak. Faktor ini merupakan sebab utama mereka menyusubadan bayi mereka. Sebab yang mendapat frekuensi paling rendah ialah menjaga kesihatan ibu.

Ingin disebutkan di sini bahawa tiada responden yang menggunakan sebab menjarakkan kehamilan sebagai faktor pendorong penyusuanbadan. Kaum ibu Cina menganggap cara-cara kontraseptif lain adalah lebih berkesan dalam menjarakkan kehamilan.

Sebab menyusubadan yang diberi oleh 2 golongan umur ini membayangkan sama ada mereka akan terus menyusubadan bayi selepas bulan pertama.

Wanita muda memberi keutamaan ke-2 kepada

sebab "ada masa lapang" dan keutamaan ke-5 kepada sebab "convenient". Ini membayangkan bahawa mereka sanggup melakukan penyusuanbadan pada bulan pertama kerana mereka sedang bercuti. Walaupun begitu, penyusuanbadan tidak begitu "convenient" kepada golongan muda. Alasannya ialah mereka terasa terkongkong dan kurang mendapat rehat semasa mengamalkan penyusuanbadan.

Wanita tua pula memberi keutamaan ke-4 dan ke-3 kepada sebab-sebab yang sama. Sikap mereka yang tidak mementingkan faktor masa lapang menyebabkan lebih ramai daripada mereka yang terus menyusubadan separa pada bulan kedua padahal kebanyakannya wanita muda sudah menyusubotol bayi mereka.

Walaupun begitu, kedua-dua golongan umur bersetuju pekerjaan adalah lebih penting. Oleh itu kesemua mereka mula menyusubotol bayi pada bulan ke-3. Tetapi ini tidak bermakna mereka kurang menyayangi anak-anak mereka. Sebab "menjaga kesihatan ibu" yang menduduki tangga ke-6 menunjukkan mereka lebih mementingkan bayi dari mereka sendiri. Menurut mereka, usaha dan kesanggupan mereka menyusubadan sepenuh/separa untuk sebulan sekurang-kurangnya membuktikan mereka sudah melaksanakan kewajipan mereka.

#### 4.1.3 Sebab-sebab berhenti penyusuanbadan.

Jadual 4.4 - Jangkamasa penyusuanbadan yang ideal.

Tempoh	Umur		Responden	
	< 40	%	> 40	%
< 6 bulan	5	31.25	1	7.14
6 - 12 bulan	2	12.5	3	21.43
> 1 tahun	1	6.25	3	21.43

selama yang mungkin	3	18.75	5	35.71
tidak tahu	5	31.25	2	14.28
	16	100	14	* 100

\* angka ini adalah satu penghampiran.

Maklumat dari jadual di atas memberitahu kita bahawa lebih wanita golongan muda daripada wanita tua yang memberi jangkamasa kurang dari 6 bulan sebagai jangkawaktu yang paling ideal untuk penyusuhanbadan iaitu 31.25% dan 7.14% masing-masing.

Bagi jangkamasa lebih lama dari 6 bulan hingga selama yang mungkin sebagai jangkawaktu ideal, didapati 78.57% wanita tua berpendapat begitu berbanding dengan hanya 37.5% wanita muda.

Di samping itu, 31.25% wanita muda mengatakan mereka tidak tahu jangkamasa paling ideal bagi penyusuhanbadan dan 14.28% sahaja dari golongan tua.

Pendapat-pendapat di atas memperlihatkan dua corak yang nyata :

- 1) wanita muda lebih cenderung kepada memberi jangkamasa yang pendek ( $< 6$  bulan) dan tidak tahu sebagai jawapan.
- 2) wanita tua lebih cenderung kepada jangkamasa yang lebih panjang ( $> 6$  bulan hingga selama yang mungkin).

Wanita-wanita tua lebih terdedah kepada hal-hal tentang penyusuhanbadan melalui cerita-cerita kaum ibu mereka sendiri atau ibu lain. Golongan muda pula kurang pendedahan seperti ini dan mereka lebih menitikberatkan jawapan dari penemuan yang berasaskan kajian saintifik. Oleh kerana itu mereka tidak menerima pendapat-pendapat generasi

dahulu secara membabi buta. Golongan muda yang berpelajaran lebih tinggi juga mampu membentuk pendapat mereka sendiri.

Malahan beberapa pasangan suami isteri muda yang berpelajaran tinggi mengatakan bahawa pendapat tentang jangkamasa ideal ini adalah terpulang kepada individu dan iaanya bukan pendapat yang telah dibuktikan oleh kajian saintifik. Oleh itu mereka lebih suka memberi jawapan "tidak tahu".

Jadual 4.5 – Sebab berhenti menyusubadan.

	< 40	> 40
mula bekerja	100	100
bayi sakit	9.1	-
membebankan	90.9	88.9
bayi dijaga oleh penjaga	72.7	33.3

(responden dibenarkan memberi lebih dari 1 jawapan bagi bahagian ini)

Dalam memperkatakan tentang sebab-sebab berhenti menyusubadan, kita akan meneliti 4 sebab yang diberi oleh para responden. Jadual menunjukkan bahawa wanita dari kedua-dua golongan umur yang menyusubadan mengatakan bahawa sebab "mula bekerja" menyebabkan mereka berhenti menyusubadan bayi mereka. Kenyataan ini menyokong amalan mereka seperti dalam Jadual 4.1. Pada bulan ke-3 (bila semua responden sudah mula bekerja), 100% wanita menyusubotol bayi mereka.

Sebab "membebangkan" menduduki tempat kedua tinggi dalam jadual ini dengan sedikit perbezaan antara kedua-dua golongan umur. Lebih ramai responden muda (90.9) yang menganggap penyusuhanbadan membebangkan berbanding

dengan responden tua (88.9). Mentaliti begini sedikit-sebanyaknya menyebabkan kurang wanita muda (25%) yang menyusubadan pada bulan pertama berbanding dengan wanita tua (57.14%). Merka lebih gemar menyusubadan separa kerana ini akan memberi mereka lebih masa untuk berehat dan tidak terlalu mengongkong kebebasan mereka semasa bulan pantang. Kesan mentaliti ini juga dapat dilihat dalam bulan kedua di mana bilangan wanita muda yang menyusubotol juga melebihi bilangan wanita tua.

Seorang responden muda dan suaminya memberitahu penulis sebab mereka berhenti menyusubadan ialah bayi mereka menghidap "jaundice". Kedua-dua mereka pada mulanya mempunyai sikap yang positif terhadap penyusuanbadan. Oleh itu responden menyusubadan bayinya selepas dilahirkan sehingga akhir bulan pertama. Tetapi keadaan bayi mereka semakin hari semakin teruk. Apabila mereka mendapati dari pembacaan bahawa susu badan boleh menjadikan penyakit bayi mereka lebih serius, mereka pun bertukar kepada formula bayi. Bayi mereka sembah dengan cepatnya selepas berhenti menyusubadan. Pengalaman ini menyebabkan mereka mengambil keputusan tidak akan menyusubadan bayi-bayi mereka yang akan datang.

Sebab lain yang menyebabkan responden berhenti menyusubadan ialah bayi-bayi mereka dijaga oleh keluarga lain. Biasanya responden yang bekerja menghantar bayi mereka ke rumah penjaga pada pagi Isnin dan mengambilnya pada petang Sabtu. Ini bermakna bayi-bayi tidak tinggal bersama dengan responden kecuali hari minggu sahaja. Hakikat ini

menyebabkan responden tidak dapat menyusubadan ~~walaupun~~ secara separa sahaja.

#### 4.1.4 Faktor-faktor yang mempengaruhi wanita menyusubadan bayi.

Jadual di bawah menyenaraikan faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi kaum wanita menyusubadan bayi mereka iaitu dari kalangan ahli-ahli keluarga.

Jadual 4.6

#### Galakan & Nasihat Dalaman

Umur Responden	Sumber					suami & ibu %
	suami	emak mertua	ibu	tiada	suami & ibu %	
< 40	36.36	-	18.18	27.27	18.18	
> 40	22.22	11.11	33.33	22.22	11.11	

Di kalangan responden muda, 36.36% mengatakan bahawa suami memberi nasihat dan galakan kepada mereka untuk menyusubadan bayi. Jumlah yang mengatribusikan sumber itu kepada ibu mereka sahaja atau suami & ibu adalah 18.18% masing-masing. Manakala 27.27% mengatakan tidak ada ahli keluarga yang memberi dorongan tersebut.

Pada pihak lain 22.22% responden tua mengatakan suami mereka adalah pendorong, 33.33% mengatribusi kepada ibu mereka dan 22.22% mengatakan tidak ada ahli keluarga yang menjadi penasihat. Bilangan yang mendapat nasihat dari emak mertua sahaja atau suami & ibu ialah 11.11% masing-masing.

Jadual 4.7 – Orang yang paling berpengaruh.

Penasihat	Umur	Responden
	< 40	> 40
suami	36.4	22.2
emak mertua	-	11.1
ibu	9.1	55.6
tiada	54.5	11.1
	100.0	100.0

Dari penemuan-penemuan di atas, didapati lebih kaum lelaki menjadi penasihat di kalangan responden muda daripada responden tua. Jadual 4.7 menunjukkan lebih ramai responden muda mengakui orang yang paling berpengaruh sebagai penasihat penyusuanbadan ialah suami mereka (36.4%) berbanding dengan responden tua (22.2%).

Pada zaman moden ini, kaum lelaki lebih memberi perhatian dan menyumbang secara langsung kepada asuhan dan pemeliharaan anak-anak daripada kaum lelaki yang lebih tua. Ini ada kaitan dengan pelajaran dan pendedahan kepada budaya-budaya baru khasnya budaya barat. Penulis mengatakan demikian kerana para suami yang memberi galakan dan menunjukkan minat untuk mengongsi tanggungjawab asuhan anak bersama dengan isteri semuanya adalah berpelajaran Inggeris. Para suami yang berpelajaran Cina lebih bersikap neutral terhadap hal-hal asuhan anak.

Bagi responden tua, penasihat-penasihat mereka lebih cenderung kepada kaum wanita (44.4%) seperti ibu atau emak mertua mereka. Di kalangan responden muda pula, 18.18% memberi jawapan yang berorientasikan wanita. Pengakuan responden tentang orang paling berpengaruh juga

menyokong kenyataan ini. Jadual 4.7 menunjukkan bahawa 9.1% responden muda dan 66.7% responden tua mengatakan ibu atau emak mertua yang paling berpengaruh.

Satu perbezaan nyata ialah di kalangan responden muda, emak mertua tidak memainkan peranan langsung dalam menasihati responden tentang hal-hal penyusuan bayi. Manakala terdapat 11.1% responden tua yang mengatribusikan galakan itu kepada emak mertua. Ini menunjukkan peranan emak mertua yang semakinerosot lebih-lebih lagi di kalangan wanita muda sekarang. Kemerosotan pengaruh dan kuasa emak mertua pada masa sekarang kemungkinan besar disebabkan oleh amalan corak keluarga nuklear yang semakinberleluasa. Oleh kerana mereka tidak tinggal bersama, maka kuranglah interaksi sesama anak menantu dan emak mertua.

Kedudukan emak mertua pada zaman dahulu adalah sangat berbeza. Menurut Winch, beliau merupakan watak yang berkuasa di dalam sesebuah rumah tangga. Segala arahannya akan dituruti oleh anak menantu tanpa bangkangan. Ingin juga disebut di sini responden-responden yang mengatakan tidak ada ahli keluarga yang menggalakkkan mereka menyusubadan sebenarnya mendapat galakan secara tidak langsung dari pembacaan mereka. Maka didapati lebih ramai responden muda yang membaca daripada responden tua iaitu 27.27% dan 22.22% masing-masing (Jadual 4.6).

---

1. Winch, R.F. The Modern Family (3rd Edition) Holt, Rinehart & Winston, U.S.A. 1963 hal. 39

Sekarang kita akan meneliti nasihat-nasihat luaran yang mempengaruhi wanita menyusubadan bayi mereka. Penasihat-penasihat itu telah disenaraikan di bawah.

Jadual 4.8 - Nasihat luaran

Sumber	Umur	Responden	
		< 40	> 40
Doktor	36.36	11.1	
Jururawat	9.09	22.2	
Kawan	-	22.2	
Buku	27.27	-	
Tiada	27.27	44.4	
	* 100.00	* 100.00	

Jadual menunjukkan bahawa 45.45% wanita muda menerima nasihat dari doktor dan jururawat untuk menyusubadan bayi manakala 33.33% di pihak wanita tua. Perbezaan ini menunjukkan bahawa pihak hospital lebih berusaha untuk menggalakkan amalan penyusuanbadan di kalangan masyarakat kita. Ini adalah ekoran dari kempen-kempen tentang penyusuanbadan dalam tahun 1976 dan kemudiannya pada 1984.<sup>2</sup>

Seramai 27.27% wanita muda mengatakan buku-buku tentang astuhan kanak-kanak telah memberi galakan kepada mereka untuk menyusubadan bayi. Kebanyakan pengetahuan tentang penyusubadan didapati dari bahan bacaan mereka. Sebaliknya 22.22% wanita tua mengatakan kawan mereka mempengaruhi mereka untuk menyusubadan.

Akhirnya, 27.27% wanita muda dan 44.4% wanita tua mengatakan bahawa tidak ada apa-apa faktor luaran yang menggalakkan mereka untuk menyusubadan bayi mereka.

2. Laporan Seminar Penyusuan Ibu : Pilihan Moden 1984, K.L., hal. 12, 13.

Dalam membandingkan faktor-faktor dalam dan luaran yang mempengaruhi amalan penyusuanbadan para responden, nasihat dan galakan ahli keluarga masih dipandang sebagai faktor pendorong yang lebih berkesan ke arah amalan yang sihat ini. Faktor luaran adalah berfungsi sebagai pengukuh sahaja.

#### Pengalaman masa zilam.

Kebanyakan wanita Cina ini mengakui bahawa mereka pernah disusubadankan oleh ibu masing-masing. Setengah pula pernah melihat adik-beradik mereka disusubadankan. Bagi mereka penyusuanbadan adalah tabii semulajadi dan kewajiban seseorang ibu. Responden juga melihat ibu mereka sendiri sebagai "role model". Segelintir yang tidak pernah disusubadankan mendapat pendedahan kepada amalan ini melalui poster-poster di klinik, buku-buku dengan gambar ibu sedang menyusui bayi dan terutamanya jiran serta rakan sepejabat yang mengamalkan penyusuanbadan.

Sesungguhnya pengalaman lalu dan pendedahan awal memainkan peranan penting dalam menyemaikan sikap yang positif dalam individu terhadap penyusuanbadan dan seterusnya mendorong mereka mengamalkannya sendiri.

Walau bagaimanapun, anggota keluarga responden memainkan peranan yang terpenting dalam membantu responden mempraktikkan penyusuanbadan dan bukan mengetahui serta mempercayainya sahaja. Faktor-faktor lain hanya memperdalam dan menguatkan keyakinan untuk menyusubadan. Salah satu daripada faktor-faktor ini ialah bahan bacaan. Penulis mendapati ada responden-responden yang membaca

dengan luas. Melalui pembacaan yang berkait dengan penyusuuanbadan, pengetahuan serta keyakinan mereka terhadap amalan ini terbukti diperdalam sehingga mereka mempraktikkannya sendiri. Oleh itu masyarakat kita harus digalakkan untuk membaca dengan luas. Maklumat-maklumat tentang amalan penyusuan bayi harus dicetak dan disebarluaskan dengan lebih kerap untuk menyakinkan lagi kaum ibu yang moden sekarang untuk menyusubadan bayi-bayi mereka.

#### 4.2.1 Corak Penyusuanbadan

Mula-mula kita akan melihat tabiat penyusuanbadan sejurus selepas bersalin.

Jadual 4.9

mula-mula sekali menyusubadan	Umur Responden	
	< 40	> 40
sebaik sahaja bersalin	9.09	11.1
1 jam	9.09	11.1
3 - 6 jam	27.27	22.2
6 - 12 jam	27.27	22.2
12 - 18 jam	-	-
18 - 24 jam	9.09	-
> 2 hari	18.18	-
* 100%		* 100%

Majoriti responden memulakan penyusuanbadan dalam masa 12 jam pertama tidak kira kumpulan umur. Tetapi lebih ramai wanita berumur 40 ke atas menyusubadan sebaik sahaja bersalin berbanding dengan kategori umur lain. Peratusan wanita tua mula menyusubadan selepas dua hari bersalin juga melebihi wanita muda. Sebab-sebabnya adalah seperti berikut :

Jadual 4.10

Sebab	Umur Responden	
	< 40	> 40
susu belum mengalir lagi		33.3
letih & lemah	50	33.3
nasihat doktor		33.3
bayi tidak pandai menghisap	50	
Bil. responden menjawab	2	3

Daripada jawapan-jawapan yang diberi oleh para responden didapati sebab mereka lewat memulakan penyusuanbadan tidak berkait dengan kepercayaan karut.

Sebab-sebab yang disenaraikan tersebut lebih merupakan faktor fizikal atau biologi yang tidak dapat dielakkan.

50% wanita muda mempercayai rehat adalah penting untuk mengembalikan tenaga bagi menyusubadan bayi nanti. Menurut responden keadaan letih dan lemah akan mengganggu pengaliran susu dan konsentrasi penyusuan. 50% lagi mengatakan bayi tidak pandai menghisap putingnya.

Di kalangan wanita tua pula, 33.3% mengadu susu badannya belum mengalir lagi. Peratusan yang sama berasa terlalu letih & lemah unyuk memulakan penyusuanbadan lebih awal dan seorang lagi lewat menyusubadan kerana diarah oleh doktornya.

#### 4.2.2 Pengganti susu badan

Bahagian ini akan memberi tumpuan kepada jenis pengganti susu badan yang digunakan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan sesuatu jenis formula bayi.

Jadual 4.11 - Pengganti susu badan

Jenis pengganti	Umur Responden	
	< 40	> 40
susu pekat manis (SPM)	-	7.14
Formula bayi	100	92.86
SPM dan formula bayi	-	-
susu lembu	-	-
Jumlah	16	14

Jadual menunjukkan bahawa kesemua responden muda menggunakan formula bayi untuk menyusubotol bayi mereka. Bagi mereka formula bayi adalah pilihan lain yang terbaik jika mereka tidak menyusubadan. Ini membuktikan bahawa pengetahuan mereka tentang kualiti pengganti-

pengganti susu badan yang lain adalah tinggi. Menurut mereka lagi pengetahuan ini didapati dari jururawat, pendidikan dan pembacaan. Formula bayi juga digunakan oleh majoriti wanita tua kecuali seorang. Beliau mengadu bahawa bayinya tidak menerima susu badan mahupun formula bayinya. Lalu beliau memberi SPM kepadanya atas arahan doktor. Beliau sedia maklum kerendahan kualiti SPM berbanding dengan susu badan dan formula bayi. Pilihannya adalah kerana keadaan yang terpaksa.

Jenis-jenis formula bayi yang digunakan adalah kepelbagaiannya seperti Dumex, Lactogen, S26, SMA & SNOW. Sebab-sebab yang mempengaruhi pilihan mereka adalah seperti yang disenaraikan :

Jadual 4.12

Sebab	Umur Responden	
	< 40	> 40
1) Promosi komersil		
- T.V.	-	7.14
- susu tepung contoh	12.5	7.14
2) Cadangan		
- keluarga	43.75	57.14
- kawan	18.75	-
- jururawat	12.5	14.29
3) Harga (mahal)	6.25	-
4) Tiada	6.25	14.29
	16	14

Hasil kajian menunjukkan bahawa hanya segelintir responden sahaja yang dipengaruhi oleh promosi komersil dalam membuat pilihan jenis formula bayi yang mana hendak digunakan. Ini adalah satu petanda yang baik. Ia

membuktikan wanita kita matang dalam membuat pilihan **sendiri** tanpa dipengaruhi oleh kata-kata manis iklan.

Kebanyakan wanita dari kedua-dua golongan umur membuat sesuatu pilihan formula bayi berdasarkan cadangan oleh keluarga atau jururawat. Tetapi pengaruh kawan adalah kelihatan di kalangan wanita muda sahaja. Ini disebabkan rakan-rakan sepejabat mereka kesemuanya menyusubotol bayi masing-masing dengan jenama tersebut. Pengaruh keluarga amat kuat mungkin kerana kebolehpercayaan kata-kata ahli keluarga berbanding dengan orang luar.

Seorang responden muda pula membuat pilihan berdasarkan harga formula bayi itu. Menurutnya harga yang mahal menunjukkan kualitinya yang baik. Ini membuktikan kesanggupannya membeli asalkan dia percaya mutu formula bayi itu adalah baik. Bagi responden yang lain, tidak ada seorang pun yang mengatakan mereka membeli sesuatu jenama itu kerana harganya murah.

Kategori keempat pula mengatakan bahawa mereka tidak dipengaruhi oleh apa-apa semasa membuat pilihan. Mereka hanya pilih salah satu yang ditunjukkan oleh jururawat. Bagi mereka semua jenama adalah sama.

Bahagian ini akan memberi tumpuan kepada sikap, pandangan dan tahap kesedaran tentang beberapa aspek penyusuanbadan dan kaedah botol.

#### 4.3.1 Mementingkan Bentuk Badan.

Setiap responden disoal sama ada mereka bimbang kalau-kalau bentuk buah dada mereka berubah akibat

dari pada penyusuanbadan. Wanita yang menyusubadan bayi mereka mengatakan tidak bimbang. Malahan seorang responden tanpa segan-segan mengaku buah dadanya kelihatan lebih kental selepas menyusubadan 2 orang anaknya. Kebanyakan wanita yang menyusubotol bayi meluahkan rasa bimbang mereka kepada penulis. Menurut mereka, jika mereka tidak keluar pergi bekerja kemungkinan mereka tidak akan menekankan bentuk badan. Beberapa orang pula khuatir suami mereka kurang mendekati mereka jika bentuk badan sudah tidak menarik lagi.

#### 4.3.2 Perasaan segan untuk menyusubadan

Bagi responden-responden yang menyusubadan bayi mereka, kesemua mengatakan bahawa mereka tidak segan melakukan penyusuanbadan. Tetapi tidak semua berani melakukannya di khalayak ramai.

Jadual 4.13

Soalan : Adakah anda berasa segan menyusubadan di khalayak ramai?

Jawapan	Umur Responden	
	< 40	> 40
Ya	100%	92.86%
Tidak	-	7.14%

Tidak seorang responden muda pun yang berani menyusubadan bayi di khalayak ramai. Mereka hanya menyusubadan di dalam bilik tidur sendiri. Ada pula yang berasa segan melakukannya di hadapan saudara-mara dan wanita-wanita lain yang tidak di kenali. Di kalangan responden tua, hanya terdapat seorang sahaja yang berani melakukannya di

khalayak ramai tidak termasuk kaum lelaki.

#### 4.3.3 Kesedaran tentang susu badan dan formula bayi.

Jadual 4.14 – Kesedaran tentang susu badan

Soalan	Umur Responden			
	< 40	> 40	Ya	Tidak
1) Tahukah anda kebaikan penyusuhanbadan kepada anak anda ?	93.75	6.25	100	-
2) Tahukah anda bahawa susu badan melindungi bayi anda dari jangkitan penyakit dalam tempoh 6 - 12 bulan yang pertama?	62.5	37.5	57.14	42.86

Maklumat di atas menunjukkan bahawa majoriti wanita dari kedua-dua kumpulan umur mengetahui susu badan adalah baik untuk bayi mereka. Hanya 6.25% wanita muda yang menafikannya. Beliau menerangkan kepada penulis bahawa beliau berkahwin semasa belasan tahun. Beliau sudah pun mempunyai dua orang anak apabila mencapai usia 20 tahun. Beliau begitu mentah tentang hal-hal penyusuhanbadan pada masa itu. Penulis juga mempercayai tahap pelajarannya sekadar L.C.E. sedikit-sebanyaknya menghadkan pengetahuannya dalam banyak hal, contohnya penyusuhanbadan. Beliau juga tidak minat membaca.

Sungguhpun majoriti wanita mengetahui susu badan itu baik tetapi pengetahuan mereka ini adalah secara umum sahaja. Penulis mengatakan demikian kerana 37.5% wanita muda dan 42.86% wanita tua mengakui mereka tidak tahu susu badan mempunyai kuasa pertahanan terhadap serangan penyakit. Mereka hanya maklum bahawa ianya berkhasiat.

Seterusnya para responden diminta memberi

pendapat mereka sama ada formula bayi itu lebih baik, sebaik atau tidak sebaik susu badan.

Jadual 4.15

Kelas responden berdasarkan amalan penyusuan pada tahap permulaan		Formula Bayi			
		lebih baik dari	sebaik	tidak sebaik	tidak tahu
		Susu	Badan		
campur	-	-	3.3	20	3.3
menyusubotol	10	-	3.3	13.3	6.7
menyusubadan	-	-	-	36.7	3.3
		10%	6.6%	70%	13.3%

Seramai 10% mengatakan bahawa formula bayi adalah lebih baik daripada susu badan. Salah satu sebab yang diberikan termasuk anak-anak yang minum susu-tepung sahaja membesar dengan sihat dan kuat. Peratusan yang tinggi (70%) mengatakan formula bayi tidak sebaik susu badan. Mereka memperolehi pengetahuan ini daripada ibu, buku atau pengalaman sendiri. Menurut responden-responden yang pernah menyusubadan anak-anak mereka memberitahu penulis bahawa kadang-kala formula bayi mengakibatkan ceret-beret kepada bayi mereka.

Secara keseluruhannya, majoriti wanita mengetahui bahawa susu badan adalah lebih berkualiti daripada formula bayi.

Kita juga akan meneliti satu aspek tentang kesedaran responden mengenai formula bayi iaitu kesan pengiklanan formula bayi ke atas responden.

Jadual 4.16

Percayakah anda terhadap iklan-iklan formula bayi?

Umur	Reaksi		
	Ya	Tidak	Tidak Tahu
< 40	18.75	62.5	18.75
> 40	14.29	57.14	28.57

Kebanyakan wanita dari kedua-dua golongan umur mengatakan mereka tidak percaya kepada iklan-iklan formula bayi. Antara sebab yang diberi ialah iklan selalu menyatakan kebaikan sahaja tanpa memberi amaran terhadap kesan sampingan yang mungkin ada, peniaga-peniaga hanya mengutamakan keuntungan mereka sahaja dan sebagainya.

Segelintir pula mengatakan mereka mempercayai iklan-iklan tersebut. Alasan mereka ialah iklan-iklan formula bayi itu telah diluluskan oleh kerajaan. Oleh itu mereka tidak harus bimbang tentang kebenarannya.

#### 4.3.4 Sikap terhadap pemerah susu badan

Untuk mengetahui sikap responden tentang pemerah susu badan, maka soalan di bawah telah dikemukakan kepada mereka.

Jadual 4.17

Pernahkah anda mendengar/melihat teknik memerah susu badan?

Umur	Ya	Tidak
< 40	100%	-
> 40	92.86%	7.14%

Didapati wanita muda lebih mengetahui tentang teknik memerah susu badan daripada wanita tua. Hanya seorang responden tua megatakan beliau tidak tahu-menahu tentang

teknik ini. Peratusan wanita yang tinggi, pergaulan yang luas dan minat membaca di sebahagian kalangan responden.

Walau bagaimanapun, jawapan yang bertentangan diberi apabila penulis menyatakan sama ada mereka pernah melakukannya. Hanya seorang responden muda mengatakan beliau pernah melakukannya dan wanita-wanita lain memberi jawapan yang negatif. Di antara sebab-sebab yang diberi ialah faktor kesihatan, tidak tahan sakit semasa proses pemerahan, susu badan tidak mencukupi, tidak ada masa dan menyusahkan. Reaksi mereka ini membayangkan kekurangan minat untuk melakukannya sekarang mahupun masa hadapan. Seterusnya penulis mengemukakan soalan "jika anda diajar tentang teknik ini, mahukah anda melakukannya?" kepada responden-resonden muda untuk memastikan sikap mereka. Seramai 40% mengatakan mereka akan cuba, 46.6% mengatakan tidak dan 13.3% mengatakan tidak pasti. Tetapi kesemua mereka mengakui berasa segan untuk melakukannya.

#### 4.4.1 Pemakanan dan Kesihatan maternal

Aspek pemakanan kaum ibu semasa mengandung dan laktasi adalah penting kerana iaanya menggambarkan taraf kesihatan maternal umumnya. Tanpa pemakanan yang seimbang maka kesihatan mereka akan terjejas dan pengaliran serta kuantiti susu badan juga terganggu. Seterusnya kesihatan dan tumbesaran bayi turut tergендala.

Pada keseluruhannya penulis berpendapat bahawa corak pemakanan dan taraf khasiat di kalangan kaum ibu Cina adalah tinggi dan seimbang. 10 buah rumahtangga dari wanita muda telah dijadikan contoh untuk memberi gambaran

kepada anggapan ini.

Jadual 4.18

R/ tangga	Pendapatan bulanan tiap r/tangga	Perbelanjaan bulanan ke atas makanan segar (sayur, daging, ikan)	Bil. anggota keluarga	Frekuensi (makanan disediakan)		
				Sayur	Daging	Ikan
\$	\$ (%)					
A	1600	170 (11)	4	H	H	M
B	1000	200 (20)	6	H	H	M
C	1300	210 (16)	5	H	H	M
D	900	160 (18)	3	H	H	M
E	1800	160 (9)	3	H	3-1M	M
F	1300	200 (15)	4	H	H	M
G	1900	250 (13)	5	3-1M	H	M
H	1600	170 (11)	3	H	H	M
I	1800	200 (11)	4	H	M	H
J	1400	200 (14)	4	H	5-1M	H

Nota : Harian (H) Minggunan (M)

Hendak dinyatakan di sini bahawa jumlah perbelanjaan bulanan ke atas makanan segar adalah anggaran kasar sahaja. Responden-responden menghadapi masalah untuk mengira jumlah sebenar yang dibelanjakan. Oleh kerana responden-responden bekerja tiap-tiap hari, maka mereka membuat belian secara besar-besaran setiap minggu. Sayuran dan buah-buahan segar terpaksa dibeli lebih kerap setiap minggu. Kadang-kadang responden sekeluarga keluar pada ujung minggu untuk makan di luar rumah. Faktor-faktor ini menyebabkan anggaran di atas adalah secara kasar.

Jadual memberi satu gambaran tentang makana yang seimbang oleh rumah tangga responden. Bagi rumah tangga yang mempunyai anggota 5 hingga 6 orang, perbelanjaan bulanan mereka ke atas makanan segar ialah \$200

ke atas. Bagi rumahtangga bersaiz lebih kecil, perbelanjaan mereka adalah \$200 ke bawah. Jumlah perbelanjaan mengikut saiz rumahtangga adalah agak seimbang. Ini adalah petanda yang baik dan sihat.

Perbelanjaan yang dibentangkan di atas tidak termasuk perbelanjaan ke atas buah-buahan, pil-pil vitamin dan bahan makanan sampingan lain yang dibeli oleh rumahtangga responden untuk meninggikan lagi khasiat makanan harian mereka.

Disebabkan oleh kemampuan membeli yang dimiliki oleh rumahtangga maka ada setengah-setengah pemakanan dan perbelanjaan yang ditunjukkan di dalam jadual adalah dipengaruhi oleh selera dan kesukaan anggota keluarga. Contohnya, rumahtangga E hanya menyediakan daging 3 kali seminggu bukan kerana tidak mampu tetapi anggota keluarga tidak berapa gemar memakannya. Satu lagi sifat perbelanjaan di kalangan responden ialah mereka tidak berapa peduli tentang harganya asalkan makanan itu adalah berkhasiat dan disukai oleh anggota keluarga.

Tumbesaran dan kesihatan keluarga lebih dipentingkan oleh mereka. Bagi rumahtangga B, mereka terpaksa membelanjakan 20% daripada pendapatan bulanan untuk makanan kerana terdapat 6 anggota dalam keluarga. Mereka sanggup membelanjakannya kerana mereka menganggap makanan adalah keperluan yang penting. Oleh itu mereka terpaksa mengurangkan perbelanjaan lain untuk memastikan keseimbangan pemakanan harian mereka.

Walaupun kebanyakan responden mengatakan *gorak*<sup>3</sup> pemakanan mereka tidak banyak berubah semasa mengandung mahupun laktasi, tetapi penulis dapat mencungkil sedikit-sebanyak pantang-larang pemakanan mereka setelah menyoal dengan terperinci. Kebanyakan pantang-larang ini adalah diturunkan oleh generasi tua. Segelintir responden dan suami mereka sudah tidak mempraktikkan kepercayaan begini. Pantang-larang ini lebih diamalkan di kalangan responden yang berpelajaran Cina dan mereka yang dijaga oleh ibu atau emak mertua sendiri semasa bulan pantang. Responden tidak mempunyai pilihan lain selain daripada memakan apa yang telah disediakan oleh kaum wanita yang lebih tua ini.

Para responden memberitahu penulis semasa mengandung, mereka memakan lebih makanan berprotein, buah-buahan segar, pil vitamin yang diberi oleh doktor, ikan bilis kerana ia akan menguatkan tulang bayi dan ubat-ubatan sinseh jenis herba sebulan sekali untuk menyenangkan kelahiran serta menyihatkan badan. Tetapi ada beberapa orang pula mengatakan jangan memakan buah-buahan khasnya nenas kerana ia akan memudaratkan anak dalam kandungan. Selepas bersalin pula mereka mempercayai halia, ayam dan arak berubat Cina (Chinese medicated wines - rice based) yang dimasak bersama dapat mengeluarkan "angin" dari tubuh responden.

Di antara makanan yang dijauhi semasa mengandung ialah pisang (heong-nga-chew) dan daging kambing

3 Dalam bukunya, David Wu mengatakan bahawa wanita-wanita Cina di Malaysia diberi brandi, "benedictine" atau "rice wine" untuk pemulihan selepas bersalin. hal. 17

kerana ianya dipercayai boleh mengakibatkan hysteria di kalangan ibu mengandung. 4 orang responden memberi maklumat yang sama seperti di atas.

Selepas bersalin pula, responden-responden tidak memakan buah-buahan seperti tembikai, nenas, sayuran seperti timun, kobis (wong-la-pak) dan "chin-chow" kerana dianggap makanan "dingin".<sup>4</sup> Seorang responden pula mempercayai ubi dan makanan laut seperti ketam, udang dan sebagainya adalah beracun. Makanan begini harus dielakkan semasa bulan pantang.

Dalam menjawab persoalan penulis tentang jenis makanan yang boleh meningkatkan kuantiti susu badan, beberapa orang responden mengatakan bahawa ikan, sotong dan makanan laut lain boleh memberi hasil begini. Ini disebabkan oleh zat protein yang tinggi di dalam makanan-makanan di atas. Salah seorang wanita pula mengatakan beliau memakan banyak ikan dan durian semasa mengandung dengan purata dua biji durian sehari. Menurutnya, susu badannya mengalir dengan banyak sekali.

4 Drang Cina suka mengelasifikasi bahan makanan mereka berdasarkan konsep "panas-dingin" tetapi ianya tidak berkait langsung dengan keadaan fisiologikal bahan tersebut iaitu suhunya dan berempah atau tidak. David Wu hal. 5

## Bab 5

### Rumusan

Secara keseluruhannya, lebih ramai wanita berumur 40 ke atas (57.14%) menyusubadan bayi mereka daripada wanita berumur 40 ke bawah (25%) pada bulan pertama selepas bersalin. Dalam amalan penyusuan campur, seramai 43.75% wanita muda dan 7.14% wanita tua berbuat demikian pada bulan yang sama. Bilangan yang menyusubotol anak mereka ialah dengan kadar 31.25% : 35.71% .

Kaum wanita yang menyusubadan bayi mereka mempunyai sikap yang positif terhadap amalan ini. Mereka mengaku tidak ada sesiapa pun yang memaksa mereka menyusubadan pada peringkat awal. Ianya dilakukan dengan hati yang rela. Golongan wanita ini juga tidak bimbang kalau-kalau buah dada mereka kurang kental atau berubah bentuk akibat dari penyusuanbadan. Malahan ada responden yang berpendapat bahawa penyusuanbadan boleh mengentalkan lagi buah dada mereka. Kerisauan hanya dikemukakan oleh mereka yang tidak menyusubadan bayi mereka. Oleh kerana perasaan bimbang ini, mereka lebih suka menyusubotol. Bilangan ini adalah kecil.

Apabila wanita yang mengamalkan kaedah botol ditanya sama ada mereka bercadang menyusubadan atau menyusubotol pada awalnya, majoriti mengatakan mereka bercadang untuk menyusubadan. Tetapi faktor-faktor seperti tiada susu, pembedahan dan sebagainya telah menghalang niat mereka. Ini menunjukkan sikap yang positif juga wujud di kalangan pengamal kaedah botol.

Galakan dan nasihat yang diberi oleh anggota keluarga responden memainkan peranan yang penting dalam menentukan amalan penyusuan bayi responden. Para suami didapati lebih aktif sebagai penasihat di kalangan responden muda berbanding dengan responden tua iaitu 36.36% dan 22.22% masing-masing. Kaum lelaki yang berpendidikan bukan-Cina lebih suka bercampur-tangan dalam hal-hal tentang asuhan dan penyusuan bayi. Di kalangan wanita tua pula, nasihat dan dorongan untuk menyusubadan lebih kerap datang dari kaum wanita. Peranan emak mertua masih kelihatan di kalangan wanita tua tetapi tidak wujud langsung di kalangan wanita muda.

Peranan doktor dan jururawat kelihatan lebih ketara di kalangan wanita muda daripada wanita tua iaitu 45.45% dan 33.33%. Dalam membincangkan faktor-faktor luaran yang mempengaruhi responden menyusubadan, kita mendapati bahan bacaan juga memainkan peranannya tersendiri. Seramai 27.27% wanita muda memperolehi dorongan daripada buku. Oleh sebab itu lebih maklumat tentang penyusuanbadan harus disebarluaskan melalui bahan cetakan supaya lebih ramai kaum wanita kita dapat diyakinkan tentang kebaikan penyusuanbadan dan seterusnya mengamalkannya sendiri.

Majoriti responden muda (93.75%) dan kesemua responden tua mengetahui bahawa susu badan adalah bahan makanan terbaik untuk bayi mereka. Tetapi peratusan yang mengetahui tentang daya pertahanan yang wujud di dalam susu badan adalah lebih rendah iaitu 62.5% dan 57.14% sahaja. Kaum wanita ini harus disedarkan tentang kualiti susu badan

ini dengan lebih terperinci supaya lebih ramai lagi yang akan tertarik kepada amalan penyusuhanbadan.

Lebih daripada setengah kaum wanita dari kedua-dua kategori umur tidak mempercayai iklan formula bayi. Hasilnya ialah hanya seramai 12.5% wanita muda dan 14.28% wanita tua mengatakan mereka membeli sesuatu jenama formula bayi itu akibat dari promosi komersil.

Kaum keluarga lebih mempengaruhi responden untuk memilih sesejenis jenama itu. Ini adalah kerana responden berasa lebih yakin terhadap cadangan orang yang dikenalinya. Lagipun, kebolehpercayaan formula bayi tertentu telah diuji oleh keluarga mereka sebelum dicadangkan kepada responden.

Selain daripada galakan-galakan dalaman dan luaran yang mendorong responden menyusubadan bayi, kita juga boleh meninjau dari aspek sosio-ekonomi seperti faktor umur, pelajaran, pendapatan, jantina bayi dan pekerjaan. Faktor-faktor ini berkait antara satu sama lain.

Dari segi umur, responden yang berumur 40 tahun ke atas lebih ramai menyusubadan berbanding dengan responden dari kategori lain. Di kalangan wanita yang berkahwin semasa berusia kurang dari 21 tahun, didapati biasanya mereka tidak menyusubadan anak-anak mereka yang sulung atau yang kedua. Apabila mendapat anak lagi pada usia yang lebih matang, mereka mula menyusubadan. Ini disebabkan oleh kurangnya pengalaman di kalangan responden apabila masuk ke alam keibuan begitu awal. Jikalau ada ibu, emak, mertua atau wanita berpengalaman bersama dengan

responden sebelum bersalin dan semasa bulan pantang, kemungkinan besar responden akan lebih terdedah kepada amalan penyusuanbadan.

Faktor pelajaran juga memberi kesan kepada responden dalam memilih amalan penyusuan bayi. Taburan responden-responden yang mengamalkan penyusuanbadan adalah samarata kerana iaanya terdiri daripada mereka yang berpelajaran tinggi dan juga yang berpelajaran rendah. Tetapi penulis berpendapat bahawa pelajaran yang semakin tinggi dapat melahirkan satu golongan wanita yang berfikiran berdikari dan tidak mudah mempercayai kata-kata sahabat atau orang lain secara membabi buta. Para suami yang berpelajaran tinggi lebih berkemungkinan menggalakkan isteri mereka untuk menyusubadan bayi mereka.

Majoriti rumah tangga responden muda (93.75%) dan responden tua (78.57%) mempunyai 2 orang pencari nafkah sahaja. Ini bermakna purata pendapatan bulanan golongan ini adalah lebih kurang RM1618. Keadaan taraf kehidupan mereka turut dipertingkatkan oleh faktor saiz keluarga responden. Majoriti saiz keluarga responden adalah kecil dengan seorang hingga 3 orang anak sahaja (86.7%). Ini membuktikan pada keseluruhannya, kedudukan ekonomi keluarga responden adalah kukuh dan taraf hidup juga baik.

Kemungkinan taraf ekonomi yang baik ini menyebabkan mereka tidak bergantung kepada susu badan sebagai sumber makanan utama bayi mereka. Terdapat 6.25% wanita muda mengatakan sebab mereka memilih sesuatu jenis

formula bayi ialah kerana harganya yang mahal. Bagi mereka, harga mahal selalunya menunjukkan barang tersebut berkualiti.

Kajian ini membuktikan responden tidak mempunyai sikap pilihan kasih terhadap jantina anak mereka khasnya dari segi penyusuanbadan. Penulis mengemukakan soalan "adakah anda memberi keutamaan untuk menyusubadan bayi tersebut jika dia ialah anak lelaki?" kepada responden-responden. Jawapan responden ialah "tidak".

Faktor pekerjaan pula didapati mempunyai kesan yang mendalam ke atas amalan penyusuan bayi responden khasnya mulai bulan kedua. Apabila ditanya mengapa mereka berhenti menyusubadan, responden mengatribusikannya kepada halangan pekerjaan. Oleh sebab itu 100% responden menyusubotol mulai bulan ke-3.

Majoriti wanita yang sedang menyusubadan bayi mengatakan bahawa mereka akan melanjutkan jangkamasa penyusuanbadan jika mereka tidak bekerja dan 1/2 daripada mereka yang menyusubotol bayi akan cuba menyusubadan jika mereka adalah suri rumah tangga sepenuh masa.

Walau bagaimanapun, responden-responden tidak sanggup mengambil cuti sekadar untuk menyusubadan bayi. Jika peruntukan disediakan bagi kaum ibu bekerja untuk membolehkan mereka mengambil cuti tanpa gaji yang lebih panjang dan tetap diterima oleh syarikat mereka selepas bersalin, sudah tentu lebih ramai wanita akan melanjutkan jangkamasa penyusuanbadan mereka.

Kajian juga menunjukkan pemakanan ibu-ibu

yang mengandung dan laktasi adalah seimbang. Taraf kesihatan mereka juga baik kerana kemudahan-kemudahan perubatan banyak terdapat di kawasan perumahan tersebut dan kawasan berdekatannya. Kemampuan ekonomi keluarga responden juga menyumbang kepada peningkatan taraf kesihatan kaum ibu ini. Oleh itu kaum ibu ini harus digalakkan untuk menyusubadan agar susu badan mereka tidak disia-siakan begitu sahaja.

#### Cadangan

Jika kita bercita-cita mempertingkatkan lagi kadar amalan penyusuhanbadan di kalangan wanita Cina dan juga kaum lain, adalah bijak kalau kita bermula dari tahap paling asas iaitu pendidikan dan pendedahan awal.

Elok jika pelajar-pelajar perempuan khasnya dan para pelajar lelaki umumnya dapat diberi pendidikan tentang kebaikan penyusuhanbadan dalam kelas biologi atau kesihatan mereka sebelum mereka meninggalkan alam persekolahan.

Ketua-ketua agama boleh turut menyumbangkan tenaga mereka untuk melahirkan masyarakat yang lebih positif terhadap penyusuhanbadan. Banyak gereja-gereja di Malaysia ada menyediakan kelas-kelas bagi pasangan yang bakal menjadi suami-isteri untuk mengajar mereka menghadapi corak hidup yang baru. Kemungkinan orang-orang berkuasa dalam gereja atau tokoh-tokoh agama lain dapat memasukkan pendidikan tentang penyusuhanbadan sebagai salah satu subjek kelas mereka.

Walaupun hanya terdapat 40% responden yang bersikap positif terhadap teknik pemerahan susu badan, jumlah ini dapat dipertingkatkan lagi jika kaum wanita diberi galakan, penerangan dan pendedahan awal kepada teknik ini. Pemerahan susu badan merupakan satu cara yang paling ekonomikal dan mudah untuk melanjutkan jangkamasa penyusuanbadan walaupun sudah mula bekerja. Susu badan yang dibotolkan itu boleh dihantar kepada penjaga-penjaga bayi untuk diberikan kepada bayi ketika ibu-ibu mereka sedang bekerja di pejabat.

Cadangan lain ialah mengamalkan konsep "mothering the mother". Menurut Raphael, kebanyakannya kaum ibu dalam laktasi sering kali diabaikan kerana tumpuan dan kasih sayang kaum keluarga telah dicurahkan kepada bayi yang baru lahir itu.

Kajian menunjukkan bahawa faktor penentu terhadap kejayaan penyusuanbadan ialah adanya jaminan dorongan dan bantuan dari orang-orang yang spesifik untuk satu jangkamasa yang tertentu selepas bersalin.<sup>1</sup> "Mothering the mother" adalah penting untuk mengatasi pengabaian kaum ibu yang memberi kesan negatif kepada penyusuanbadan.

"Doula" adalah diperlukan untuk menjayakan konsep ini. Doula boleh merupakan seorang kawan, emak-mertua, suami, ibu atau nenek kepada wanita tersebut.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Raphael, D. "The tender-gift : breastfeeding, Englewood Cliffs, N.J. Prentice-Hall, 1973 hal. 141

<sup>2</sup> ibid. hal. 147

DuoIa ini akan memberi keyakinan, bantuan dan kasih-sayang kepada kaum ibu yang sedang menyusubadan bayi mereka. Dengan ini diharap kaum ibu ini akan memanjangkan jangkamasa penyusuhanbadan mereka.

Menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja responden juga merupakan langkah lain untuk mengatasi kadar penyusuhanbadan yang rendah serta melanjutkan jangkamasa penyusuhanbadan yang sedang diperaktikkan sekarang. Syarikat-syarikat besar seperti bank boleh menumbuhkan pusat-pusat ini dengan bantuan serta nasihat MTUC. Syarikat-syarikat kecil pula boleh bergabung tenaga dan sumber untuk menubuhkan pusat begini. Bayaran yang berpatutan kemudiannya dikenakan ke atas mereka yang menggunakan perkhidmatan ini.<sup>3</sup>

Melalui cara ini, pekerja-pekerja wanita boleh membawa bayi mereka ke pusat-pusat ini untuk dijaga semasa mereka bekerja. Pada waktū makan atau masa lapang, kaum ibu boleh pergi ke pusat ini untuk menyusubadan bayi mereka. Kaum ibu bapa sudah tentu menyambut perkhidmatan ini dengan baik kerana mereka dapat bekerja dengan hati yang lapang bila mengetahui anak-anak mereka selamat bersama dengan penjaga di pusat itu.

Kakitangan perubatan seperti doktor dan jururawat mestilah diberi lebih insentif dan latihan untuk mempromosikan penyusuhanbadan kepada masyarakat kita, khasnya kaum ibu.

<sup>3</sup> Artikel Alice Chee, "Bringing your child to work - the case for corporate child-care" dalam Her World, Dis. 1985, hal. 101 - 104

Seorang responden dan suaminya mengadu kepada penulis bahawa doktor mereka terlalu sibuk untuk meluangkan masa bagi mereka mendapatkan penerangan yang lebih tentang penyusuhanbadan, masalah dan keraguan yang mungkin timbul semasa mempraktikkannya.

Di sini, ingin dicadangkan supaya pihak berkuasa/persatuan berkenaan seperti Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia, Kementerian Kesihatan atau Persatuan Penasihat Penyusuan Ibu Malaysia (PPPIM) menyediakan perkhidmatan atau kaunter terbuka agar para ibu bapa yang ingin memperolehi penjelasan lanjut boleh menghubungi pihak-pihak ini bila-bila masa.

Penulis mengetahui ramai ibu bapa menghubungi PPPIM jika mereka menghadapi masalah semasa menyusubadan bayi. Tetapi lebih ramai lagi para ibu bapa yang tidak tahu-menahu tentang kewujudannya. Adalah baik jika PPPIM diperkenalkan dengan lebih luas melalui media-massa dan hospital-hospital kerajaan serta swasta. Salah satu caranya ialah mewajibkan kaum ibu yang bercadang menyusubadan bayi mereka berdaftar dengan persatuan ini. Selanjutnya PPPIM boleh mengikuti perkembangan kaum ibu ini dan menggalakkan mereka agar terus menyusubadan bayi selama yang mungkin.

Bibliografi (Buku)

- 1) Brinker Hoff Family and work : Comparative Convergences, Greenword Press, Westpoint 1984
- 2) David Y.H.I. Traditional Chinese Concepts of Food and Medicine in Singapore, ISEAS Occasional Paper No. 55, Singapore 1979.
- 3) Gunther, M Infant feeding, Methuen and Co. Ltd. London 1970.
- 4) Lang, Olga Chinese Family and Society, Yale Uni. Press, New Haven, Conn. 1976
- 5) Laporan Seminar Penyusuan Ibu : pilihan moden 1984, K.L.
- 6) Mitchison, L The Overseas Chinese, Dufour Editions, U.S.A. 1961
- 7) Nor Laily Aziz et. al. Culture and Fertility : The Case of Malaysia, Research Notes and Discussions Paper No. 19 (1980) Inst. of SEA Studies S'pore.
- 8) Raphael, D The Tender Gift : breastfeeding, Englewood Cliffs, N.J. Prentice-Hall 1973
- 9) Tan Loong-Hoe Malnutrition, Health Resources and Education in Peninsular Misia, ISEAS Occasional Paper No. 69, S'pore 1982

- 10) Unicef Situasi anak-anak di dunia 1988  
Laporan oleh James P. Grant.
- 11) Waller, H.K. The breasts & breastfeeding, W.  
Heinemann, London 1957
- 12) Winch, R.F. The Modern Family (3rd Ed.)  
Holt, Renhart & Winston, U.S.A.  
1963
- 13) Women & the Workplace : The  
Implication of Occupational  
Segregation, edited by Martha  
Blaxall & Barbara Reagan, Uni.  
of Chicago Press, U.S.A. 1976
- 14) Wong, A.K. Maternal employment, education  
and changing family values in  
S'pore.

#### Bibliografi (Tesis)

- 1) Holland, B.K. Breast-feeding & infant  
mortality, Princeton University  
1983
- 2) Muhammad Omar Infant feeding practices in the  
A.N.P. pilot project area Telok  
Datok K. Langat U.M. 1975
- 3) Prmasvary A/P  
Appayee Ayasamy Attitude towards breast-feeding  
amongst Indian Women in the  
estate, U.M. 1987/88.

- 4) Wong Mee Lian A Comparative Study of breast-feeding in the two main ethnic groups in the Ulu Langat & Gombak districts in S'gor, U.M. 1982.

Bibliografi (Jurnal)

- 1) L. Manderson Socioeconomic & Cultural Correlates of Gastroenteritis Amongst Infants and Small Children in M'sia. Journal of Peds. 27, 1981 p. 166
- 2) Millis, J Some aspects of breast-feeding in S'pore Med. Journal of Malaya 10, 1955, 157-161
- 3) Pathmanathan, I Breast-feeding - a study of 8750 Malaysian Infants, Med. Journal of Malaysia 33, 1978, 113-119
- 4) Teoh, S.K. Breast-feeding in a rural area in M'sia, Med. Journal of M'sia 30, 1975 p. 175
- 5) Wong Hock Boon Breast-feeding among paying class mothers in S'pore. The Journal of the S'pore Paediatric Society 3, 1961, p. 14-16
- 6) " Breast-feeding among lower income mothers in S'pore. The Journal of the S'pore Paediatric Society 5, 1963 p. 89-93